# PELITA BRUNEI

**AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 22 BILANGAN 9 | RABU 2HB. MACH, 1977. | رابو 11 ربيع‌الاول 1397 | PERCHUMA





Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan kelihatan menjadi pencharok dengan mengayohkan "Seri Muda". Gambar ini di-ambil ketika perlumbaan sedang di-mulakan dari tempat berlepas.

## "BULAN PURNAMA" BERJAYA PERTAHANKAN KEJUARAAN

**BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat bersama2 raayat Baginda dalam perayaan perlumbaan perahu di-Sungai Brunei sempena memperingati keberangkatan lawatan Baginda Queen Elizabeth ka-Brunei.**

Perlumbaan yang berlangsong sa-lama sa-hari itu telah di-penohi dengan lima belas achara perlumbaan termasok perlumbaan motor sangkut.

Pasokan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berjaya memenangi beberapa achara perlumbaan termasok perlumbaan terbuka 30 orang peserta dan sa-kali lagi berjaya mempertahankan kejuaraan dalam perlumbaan khas bagi pembesar2 negara 15 orang peserta.

Perahu Bulan Purnama yang memenangi perlumbaan yang sama pada tahun lepas maseh berjaya menyandang kejayaan-nya di-samping perahu Pancharan Kilat dalam lumba 30 orang peserta. Kedua2-nya ada-lah kepunyaan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang juga menjadi pencharok perlumbaan.

Dalam perlumbaan hari itu perahu Bulan Purnama telah mendapat kemenangan di-tempat kedua dengan 10 mata dari perahu Dato Hibbert yang mendudoki tempat pertama dengan 12 mata.

Kemenangan perahu2 yang mengikuti perlumbaan tahun ini ada-lah tahun kedua ianya di-hitong dengan perkiraan mata.

Turut hadhir dalam sambutan kemunchak perayaan hari itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang James Davidson yang juga menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 perlumbaan. Kerabat2 Diraja dan lain2 pembesar negara juga turut menyaksikan temasha lumba perahu itu.



Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

## *S. U. K. ka-Mekah*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berlepas ka-Singapura hari ini (Rabu) dalam perjalanan beliau ka-tanah suchi Mekah untok mengerjakan umrah.

Isteri beliau, Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris, Ketua Pegawai Kebajikan turut menyertai beliau.

Untok tujuan itu, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berchuti sa-lama satu bulan mulai kelamarin.

Pengarah Perjawatan, Awg Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Md Taib ada-lah Pemangku Setia Usaha Kerajaan di-sepanjang perchutian Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz itu.

## KRISIS MORAL MULA BERCHAMBAH

JALAN TUTONG. — Kaum guru di-negeri ini telah di-seru supaya melipat-gandakan usaha terhadap bidang pendidekan yang di-amanahkan kapada mereka, terutama dalam kaitan-nya dengan pembenaan moral jenerasi waktu ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Md Daud menarek perhatian kaum guru terhadap sikap anak2 waktu ini yang di-sifatkan beliau "agak tergelinchir dari perinsip2 garis moral yang sa-wajar-nya".

Bersabda ketika merasmikan "Taman Puri" ia-itu kompleks perumahan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Batu 4½ Jalan Tutong pada Jumaat lepas, Yang Amat Mulia itu bersabda:

"Sifat2 hormat-menghormati yang di-warithi oleh bangsa kita sudah hampir2 kabor dan hampir2 tidak membayangkan lagi nilai2 kebudayaan bangsa kita".

Beliau menekankan bahawa anak2 muda kita sudah terpengaroh dengan unsor2 yang menjolok mata, berpakaian tidak senunoh, berambut panjang dan dalam usia yang bagitu muda sudah ketageh rokok.

"Memang benar sudah ada di-antara anak2 kita yang terlalu kurang adap terhadap guru, terhadap orang2 tua malah terhadap kedua ibu-bapa mereka", tegas Yang Amat Mulia itu.

Menurut Yang Amat Mulia itu bahawa keadaan yang kita hadapi waktu ini merupakan suatu keadaan yang parah dan krisis moral sedang mula berchambah dalam masharakat kita.

Untok menghadapi keadaan tersebut sabda Yang Amat Mulia itu, sa-bahagian besar-nya ada-lah tergantong dan terpikul di-bahu guru2, dan guru2 bukan saja di-kehendaki berani menghadapi murid2 atau penuntut2 sa-chara langsong bahkan menghadapi masharakat dan ibu-bapa bagi memberikan pengertian yang baik kapada mereka.

Yang Amat Mulia itu mengingatkan guru2 bahawa di-samping menghadapi perkembangan2 material, usaha hendak-lah juga di-lipat-gandakan ka-arah pembenaan moral jenerasi kita waktu ini.

Bersabda mengenai dengan kemajuan2 yang di-chapai oleh PGGMB khusus-nya dalam bidang ekonomi, Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa kejayaan tersebut sangat2 di-hargai dan di-sanjong tinggi oleh masharakat dan sa-terus-nya negara.

Sa-bagai penasehat PGGMB, Yang Amat Mulia berharap supaya mereka yang berada di-dalam-nya dapat mempertahankan nilai2 perpaduan dan persafahaman yang di-pupok hampir2 sa-tengah abad itu.

Perpaduan, sabda beliau, ada-lah masaalah pokok yang mesti di-beri perhatian.

Yang Di-Pertua PGGMB Awang Haji Shahbudin bin Saleh telah turut beruchap di-upachara perasmian Taman Puri yang di-hadhiri oleh kira2 500 orang jemputan terdiri dari pegawai2 kanan Kerajaan, Pengiran2 dan Pehin2 serta ahli2 perniagaan.




Y.A.M. Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Pengiran Haji Ali merasmikan "Taman Puri", kompleks perumahan PGGMB.

## Hadhiri Seminar Pentadbiran

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI. — Dua orang Pegawai Daerah telah berlepas ka-Manila Ahad lalu, untok menghadhiri seminar mengenai pentadbiran Kerajaan dan kemajuan tempatan.

Mereka itu ia-lah: Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Ja'afar dan Pegawai Daerah Tutong, Awang Yahya bin Haji Haris.

Mereka kemudian di-jangka akan berlepas ka-Bangkok untok mengikuti sidang2 sa-lanjut-nya.

Sementara itu Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pg. Omar bin Pengiran Sabtu, minggu lalu, telah merasmikan satu majlis sempena memperingati hari lahir Lord Baden Powell, pengasas pergerakan pengakap yang telah di-langsongkan di-KBRC. Lebeh 300 orang pengakap, pandu puteri dan palang merah serta pegawai2 kanan Kerajaan telah menghadhiri majlis tersebut.

PELITA BRUNEI

2HB MACH, 1977

# Meninggikan Ekonomi orang2 Melayu

BEBERAPA bokti dapat di-ketengahkan dalam persoalan apa-kah orang2 Melayu kita (Brunei) berkemampuan untok menchapai tahap kemajuan yang menggalakkan dalam bidang perusahaan2 perniagaan.

Menilek kapada keadaan yang ada sekarang ini, maka nampak kapada kita bahawa keinginan orang2 Melayu terhadap perusahaan2 perniagaan ada-lah tidak dapat di-nafikan. Dari keinginan ini juga dapat memberikan bayangan cherah chara bidang ekonomi orang2 Melayu sendiri dengan kesan baik-nya akan di-terima oleh negara dan akan mengurangkan beban di-masa akan datang jika keadaan itu terus-menerus terpelihara. Bila kita sebut "terpelihara" ini pula, maka maksud-nya bukan-lah mesti di-pelihara oleh Kerajaan dengan ada-nya bimbingan2 dan kemudahan2 tetapi apa yang di-maksudkan ia-lah "tangan orang2 Melayu sendiri" sa-bagai pelaksana perusahaan2 dan perniagaan2 orang2 Melayu itu. Maksud-nya bahawa semangat yang ada pada masa ini tidak akan mengalami kepudaran, walaupun pada perengkat yang tertentu nanti, semangat itu akan diganggu-gugat oleh keadaan2 yang mungkin akan menjadi "pemantong" untok menghalang langkah2 sa-terus-nya. Kalau pemantong itu di-anggap sa-bagai satu chabaran untok menguji keutohan peniaga2 atau pengusaha2 Melayu itu tentu-nya semangat akan bertambah kukoh untok menghadapinya. Tetapi jika ia-nya di-anggap sa-bagai satu petaka dan pemutus usaha itu, maka bererti semangat perniagaan maseh belum dapat di-kuasai.

Semangat perniagaan dan usaha2-niaga yang lain di-kalangan orang2 Melayu harus di-ambil chontoh dari apa yang di-perjuangkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Perengkat awal, Persekutuan itu bermula dengan bilangan anggota dan permodalan yang amat kechil dan dalam arus perjuangan-nya, mereka tidak luput dari menghadapi rintangan2 yang berat yang hampir memungkinkan pergerakannya menghadapi kelumpohan. Tetapi dengan ketabahan dan keutohan semangat pemimpin2-nya, Persekutuan itu berinut-inut menyusur arus yang deras dan akhir-nya sampai ka-tepian pantai idaman mereka. Sekarang mereka tidak lagi berada di-pantai, malah sudah boleh meneroka ka-kawasan2 tebal di-daratan perushaan itu. Namun demikian, pemimpin2 Persekutuan itu maseh belum mensifatkan mereka itu menchapai tahap kejayaan dengan keutohan2 yang mereka perlukan untok membesarkan usaha2 mereka itu walau pun pada masa ini mereka sudah mempunyai ranchangan perumahan yang besar saperti "Taman Puri". Yang Dipertuanya memberikan bayangan bahawa Persekutuan itu maseh belum dapat menyempurnakan beban terhadap seruan2 Kerajaan dan keinginan negara supaya raayat dan pendudok-nya mengambil peranan yang aktib dan positif dalam pembangunan ekonomi-nya. Saranan ini ada-lah satu gambaran kesedaran terhadap apa yang di-perlukan oleh negara sa-lain dari bayangan betapa ekonomi negeri ini harus di-perjuangkan oleh raayat negeri ini sendiri-nya, khusus-nya orang2 Melayu supaya ia-nya tidak akan dapat di-kuasai oleh orang2 bukan Melayu. Hakikat ini harus di-sedari jika orang2 Melayu sa-benar-nya mahukan kegemilangan di-tanah tumpah darah mereka sendiri. Apa yang perlu dalam soal ini ia-lah kesatuan orang2 Melayu sendiri untok mengujudkan kata sepakat saperti yang dapat di-ambil chontoh dari kejayaan PGGMB itu. Sa-lagi perchikchokan terdapat di-kalangan orang2 Melayu, maka sa-lagi itu segala hal tidak akan dapat di-leraikan, bahkan yang lebeh burok, ekonomi orang2 Melayu sendiri akan lari ka-tangan orang lain dan akibat-nya orang2 Melayu hanya akan bertupang dagu dan membilang-bilang bintang di-langit sambil mengharap rezeki limpah ka-tangan tanpa perahan tenaga. Ini bermakna kita tidak berjaya memechahkan tradisi kepudaran ekonomi orang2 Melayu di-bumi sendiri.

# DARI DEWAN

## BERKHIDMAT DGN. IKHLAS UTK. RAAYAT



Y.B. Pehin O.K. Di-Gadong Seri Lela.

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Taha ketika menyekutukan diri dengan ahli2 yang lain untok menyokong usol ketetapan peruntokan Ranchangan Kemajuan yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, menyatakan peruntokan bagi Jabatan Pertanian itu ada-lah bertujuan untok mengusahakan bidang tersebut supaya raayat di-negeri ini tidak akan kebuloran!

Beliau menambah, bahawa walaupun peruntokan sabanyak $6 juta lebeh itu telah di-peruntokan bagi kemajuan Jabatan tersebut, maka pada pendapat beliau belum lagi ada kemajuan yang telah di-chapai dan akan di-chapai dalam bidang tersebut.

Kata-nya, sa-lain dari peruntokan tali ayer, peruntokan pusat penyelidekan, pusat pendidekan, memperbaiki station pertanian, memberikan perumahan kapada kakitangan rendah serta perkhidmatan mekanik — ia-nya bukan-lah merupakan ranchangan kemajuan, malah ia-nya di-sifatkan oleh beliau sa-bagai menghabiskan estimate sahaja.

Yang Berhormat itu berharap agar Jabatan Pertanian itu akan berkhidmat dengan ikhlas demi kesejahteraan raayat negeri ini dan jangan-lah mematahkan harapan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ingin melihat raayat-nya makmur.

Beraleh kapada belanjawan kemajuan di-bawah ranchangan rumah sakit, Yang Berhormat itu menguchapkan terima kaseh di-atas ranchangan yang telah di-bentangkan untok tujuan tersebut.

Mengenai dengan perusahaan dan perniagaan, Yang Berhormat itu telah melahirkan harapan-nya supaya Kerajaan tidak akan memechah serta merosakkan kawasan lapangan terbang lama Berakas yang akan di-jadikan tempat kawasan perusahaan; kerana ia-nya telah di-bena dengan sempurna-nya dengan memakan belanja yang bukan sadikit. Apa yang menjadi harapan beliau supaya tempat tersebut akan dapat di-jadikan bandar ketiga sa-sudah Bandar Seri Begawan.

## AMANAH, JUJOR DLM. P'NIAGAAN



Y.B. Awang Chong Seng Toh.

**YANG Berhormat Awang Chong Seng Toh, ahli dari Pekan Tutong dalam menyokong ketetapan peruntokan Ranchangan Kemajuan mengenai tajok 'Perniagaan' yang mendapat peruntokan lebeh $4 juta itu menasehatkan orang2 Melayu yang akan mencheborkan diri dalam lapangan perniagaan hendak-lah jangan berlagak sa-bagai 'tuan' tetapi hendak-lah berlagak sa-bagai 'hamba kapada orang ramai'.**

Kata-nya, beberapa teori tentang prinsip perniagaan ini mesti-lah di-pelajari dan di-selideki. Di-antara-nya termasok-lah 'amanah dan jujor' kerana tanpa ada-nya kedua2 prinsip ini satu2 perniagaan akan mengalami kehanchoran.

Yang Berhormat itu juga menyebut tentang rahsia2 berniaga yang menurut-nya hendak-lah sentiasa mengikut suasana serta menyempurnakan hasrat dan kehendak2 pembeli.

Menurut-nya, dalam perniagaan ini juga terdapat perlumbaan dan di-sini-lah letak-nya peranan kepandaian dan tarekan kaki-tangan peniaga untok menarek minat orang ramai.

Kaki-tangan peniaga ini, tambah-nya, jangan-lah hanya tahu dudok di-kerusi sahaja dan chukop jam balek, tetapi mereka harus-lah pandai menarek hati orang ramai terutama sa-kali kapada pembeli2, jelas beliau.

Terdahulu dari itu beliau mensifatkan peruntokan bagi tahun 1977 ini ada-lah bertambah kerana keperluan kederasan perkembangan yang telah, akan dan sedang di-ranchangkan semata2 untok kesejahteraan dan kebahagiaan raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, jua.

# MAJLIS

# "RANCHANGAN KEMAJUAN MAAMORKAN NEGERI, HIDUP AMAN BERSATU PADU"

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Hj Mohd Zain, ketika mengutarakan pendapat-nya berhubong dengan ranchangan TV Brunei, menyeru kapada penulis2 tanah ayer agar menyumbangkan karya2 mereka itu bagi mengesankan lagi ranchangan2 di-TV.



YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja.

Beruchap ,mengenai perumahan Kerajaan, Yang Berhormat itu turut meyakinkan Ahli2 Dewan bahawa projek itu ada-lah merupakan satu lagi kemudahan kapada pegawai2 dan kaki-tangan rendah Kerajaan. Antara yang di-hasratkan bagi tujuan itu, kata-nya, ia-lah pada mengharapkan pegawai2 serta kakitangan Kerajaan itu supaya akan dapat menyempurnakan lagi perkhidmatan mereka terhadap raayat.

Mengenai dengan peruntokan perkhidmatan Bandaran, Yang Berhormat itu menyatakan bahawa peruntokan itu ada-lah meliputi kapada menyempurnakan tempat2 penyembelihan dan juga untok memindahkan Pasar Babi di-Sungai Kianggeh, kasatu tempat yang sesuai dan sudah pun di-khaskan dan di-harap ia-nya akan dapat di-siapkan pada tahun 1977 ini. Ini tidak sahaja meliputi di-Bandar Seri Begawan samata2, bahkan bagi kegunaan Bandaran di-daerah2 yang lain saperti untok pasar ikan dan perhentian bas di-Kuala Belait.

Berhubong dengan memajukan Bangunan2 Awam, Yang Berhormat itu memberi tahu Dewan bahawa peruntokan ka-arah itu termasok-lah ranchangan Pembenaan Stadium yang akan dilaksanakan perengkat awalnya dalam tahun 1977 ini.

Beruchap mengenai dengan 'Balai Pengadapan' di-daerah2 di-negeri ini, Yang Berhormat itu menerangkan bahawa ia-nya bukan sahaja akan di-buat di-daerah Temburong bahkan juga di-Tutong, yang pembenaan-nya di-jangka akan di-mulakan pada tahun 1977 ini.

Hujjah beliau itu, diakhiri-nya dengan sa-rangkap pantun yang berbunyi:

"Ampadu tanah arat nawali;
Ramu2an ubat Melayu;
Ranchangan Kemajuan maamorkan negeri;
Hidup aman bersatu padu."

## Lawatan 2 Ahli Yang Berhormat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berikut ini ia-lah jadual lawatan dua, orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Y.B. Malai Haji Mashor (wakil Seria) dan Y.B. Awang Haji Othman bin Bidin (B.S.B.) bagi bulan ini: —

Sabtu 5hb Mach: jam 9.00 pagi ka-Maktab SOAS Senior dan Junior.

Selasa 8hb Mach: jam 9.00 pagi ka-Maktab Paduka Seri Begawan Sultan.

Khamis 10hb Mach: jam 9.00 pagi ka-Maktab Perguruan Gadong.

Isnin 14hb Mach: jam 9.00 pagi ka-Pusat Tingkatan Enam.

Isnin 21hb Mach: jam 9.00 pagi ka-Sekolah S.M.J.A.

# LATEHAN BERSAMA PASOKAN BOMBA

SERIA. — sa-banyak 6 buah Pasokan Bomba ia-itu: Dua Pasokan Bomba Seria (Kerajaan) satu dari Kuala Belait (Kerajaan), Satu Tutong (Kerajaan), satu dari Bandar Seri Begawan (Kerajaan) dan yang satu lagi ia-lah Pasokan Bomba Sharikat Minyak Shell, Seria, telah mengadakan latehan bersama di-Oil Terminal sini, pagi Sabtu lepas.

Latehan bersama yang memakan lebeh satu jam itu, menurut salah sa-orang Pegawai Pasokan Bomba pada pagi itu, ada-lah sangat berjaya dan latehan sarupa patut di-adakan sa-kurang2-nya dua kali sa-tahun, jelas-nya.

Sa-orang Ketua Pegawai Bomba dari Sharikat Minyak Shell Miri, Sarawak, juga telah di-undang untok menyaksikan latehan bersama pagi itu. Menurut-nya bahawa latehan bersama tersebut amat menggalakkan dan beliau berpuas hati.

**Gambar2 bawah ada-lah salah satu pemandangan latehan bersama Pasokan Bomba yang telah di-langsongkan di-Oil Terminal, Seria pada pagi Sabtu lepas.**







# DERMA MANGSA BANJIR DARI W.I.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei (W.I.) telah menyerahkan derma barang2 pakaian dan makanan kapada mangsa2 banjir di-Temburong, Tutong dan Belait, yang telah di-sampaikan oleh pemimpin2 W.I. kapada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan di-Pusat Belia, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, pada pagi Khamis lepas. (Gambar atas).

Di-sebelah tengahari-nya, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan itu pula telah menyerahkan derma tersebut kapada Penolong Pegawai Daerah Temburong Awg Zainal bin Haji Momin, untok dibahagi2kan kapada mangsa banjir di-Daerah Temburong; manakala derma2 yang sama telah di-hantar oleh Pegawai2 di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan kapada Pegawai Daerah Tutong dan Belait atau wakil-nya untok di-sampaikan kapada pehak yang bersangkutan.

Terdahulu dari itu, WI telah menubohkan satu lagi chawangan-nya yang baru di-Daerah Temburong baru2 ini. Empat orang Jawatankuasa dan lima orang ahli Jawatankuasa telah di-lantek dalam mashuarat penubohan-nya pada hari itu bagi tahun 1977/78: —

Dayang Mariam bte Hj Mohd Ali telah di-lantek sa-bagai Pengerusi di-samping Dayang Noraini bte Abdullah.

Setiausaha di-pegang oleh Dayang Aishah bte Karim manakala Dk. Armah bte Pg. Damit beserta lima orang ahli sa-bagai jawatankuasa.

Mashuarat pada hari itu telah di-rasmikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong Awang Abd Aziz bin Mohammad bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Dalam majlis penubohan yang di-hadhiri oleh kira2 200 orang itu, Dayang Kamariah bte Haji Jalil telah menyampaikan chenderamata kapada Pemangku Pegawai Daerah.

Turut hadhir ia-lah Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan dan YAM Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin serta pegawai2 kanan Kerajaan.

## P'khidmatan Mel ka-Lebnon

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan mel yang terhad antara Republik Singapura dan Lebanon telah di-pulehkan samula mulai dari 3hb Januari, 1977 yang lalu.

Berikut dengan perubahan tersebut Jabatan Perkhidmatan Pos Besar di-sini menyatakan minggu ini bahawa jabatan tersebut akan bersedia menerima pengiriman2 yang terhad kapada surat2 yang berat-nya sa-hingga 0.706 ozs tiap2 satu dan poskad sahaja yang akan di-hantar ka-Lebnon melalui kiriman udara.

Pehak Jabatan Perkhidmatan Pos memberitahu lagi semua kiriman2 boleh juga di-kirim sachara berdaftar. Tetapi semua pengiriman2 lain saperti kiriman bungkusan2 maseh lagi di-gantongkan. Semua pengiriman tersebut akan melalui Pejabat Pertukaran di-Bahrin.

# PERJALANAN KA-TANAH SUCHI

OLEH: HAJI ABDUL AZIZ JUNED
KETUA PEGAWAI PERHUBONGAN
HAJI TAHUN 1396/1976.

Ke-10

Pada 19hb Nobember, 1976 kumpolan kedua jemaah kita sampai di-Mekah dari Madinah. Berkumpol-lah sekarang jemaah kita di-tanah Haram ini dalam jumlah yang amat sedikit sa-kali jika di-bandingkan dengan lain2 jemaah dari negeri2 yang lain. Dan bila mengingat jumlah yang sedikit ini-lah, menimbulkan perasaan kita lebeh bersatu padu, menjaga perasaan baik sangka di-antara satu sama lain supaya jangan ada yang sampai luka hati-nya.

Kita tidak mau kira-nya akan ada dari kumpolan yang kechil ini orang2 yang tersisih atau yang merasa diri-nya asing di-sebabkan oleh sedikit pertelingkahan atau salah faham dan sa-umpama-nya. Saya tidak-lah tahu di-pehak jemaah, tetapi pada kami pegawai2, dapat-lah saya yakinkan apa yang saya katakan ini betol2 kami pegang dengan kuat-nya. Kerana itu-lah, kami lebeh bersedia di-rusikkan hati daripada merusikkan hati jemaah. Terus terang saja, hal ini saya alami sendiri beberapa kali baik di-Jeddah maupun di-Madinah atau di-Mekah. Tetapi oleh kerana persediaan menghadapi-nya sudah ada, maka semua itu tidak-lah berkesan apa2 dalam pergaulan dengan mereka itu (mereka berkenaan yang terbacha renchana ini dapat mengingat dengan baik dan menilai benar tidak-nya chakap saya ini.) Saya tidak-lah mahuberchakap panjang lebar dalam hal ini, memadai saya pulangkan kapada Allah yang mengetahui segala isi hati dan niat baik hamba-Nya.

**BILANGAN JEMAAH SE-LUROH DUNIA**

Berkenaan bilangan jemaah dari seluroh dunia pada tahun ini, ramai juga orang2 kita yang bertanyakan hal itu manakala kami sampai saja ka-tanah ayer. Macham2 pendapat orang mengenai-nya . Ada yang mengatakan tahun ini (1976) orang tidak ramai, dan ada pula yang menyangka-nyangka sama ramai atau lebeh ramai dari tahun sudah (1975). Sa-benar-nya, di-Saudi sendiri juga orang maseh mahu bertanya2 apa-kah jemaah2 haji pada tahun ini berkurangan dari tahun sudah atau bagaimana? Tidak ada yang dapat menjelaskan-nya dengan muktamad, walaupun satu siaran yang berupa statistik telah di-keluarkan. Siaran ini di-dapati bila berada di-Mina, kerana waktu itu jemaah2 dari seluroh dunia sudah di-kira habis semua-nya terkumpol. Apa-kah sebab-nya teka-teki yang demikian itu timbul? Antara-nya ia-lah:

a. Dari segi kesesakan, menurut orang2 disini sendiri, keadaan nampak-nya tidak-lah berbedza dari tahun sudah.

b. Statistik yang di-keluarkan juga sedikit meragukan, kerana kira2 sa-minggu sa-belum hari uquf (sa-belum lagi statistik di-keluarkan) telah tersiar dalam akhbar mengenai bilangan jemaah Turki misal-nya pada tahun ini ia-lah seramai 200,000 (dua ratus ribu) orang, tetapi manakala jumlah statistik yang di-keluarkan kemudian-nya hanya tinggal 137,291 orang. Juga jemaah Brunei sendiri dari jumlah sa-benar sa-ramai 232 orang hanya 111 orang dalam statistik tersebut.

c. Beberapa hari sa-belum ukuf, UPI telah memetik berita menyebutkan bilangan jemaah pada tahun ini berkurangan sa-banyak 20% dari tahun sudah, sedangkan akhbar Al-Riadz keluaran Saudi bertarikh 9hb. Desimber, 1976 telah menyebut kekurangan tersebut sa-banyak 7% sahaja. Dan di-dalam keluaran yang sama juga akhbar ini telah menyebut berkenaan dengan jumlah pengangkutan yang di-gunakan pada tahun ini ada-lah bertambah sa-banyak 25% dari tahun sudah. Maka atas asas ini orang bertanya-tanya: Bagaimana-kah boleh berlaku kenderaan bertambah sedang jemaah kurang? Dan jemaah lebeh dengan kenderaan berkurang?

**UQUF DI-ARAFAH**

Beberapa hari lagi di-jangka uquf, kami pegawai2 telah merundingkan perkara2 yang mustahak dengan Sheikh, termasok masaalah kenderaan. Kami di-beri tahu oleh Sheikh (Ali Yassin) yang kerajaan Saudi mengadakan empat buah bas sahaja bagi semua jemaah-nya yang terdiri dari beberapa buah negeri selain Brunei.

"Bagaimana ini, tuan Sheikh! Jemaah Brunei sahaja saya fikir akan menggunakan bas tidak kurang dari 3 buah," saya menjolok.

"Saya akan beri dua buah untok jemaah Brunei. Orang perempuan dan orang2 tua dudok dalam bas, sementara yang muda2 dan kuat di-atas bas." (Maksud-nya di-atas bumbong bas).

Saya tidak segara menyambut chadangan itu. Dalam kepala saya berligar2 kejadian dua hari yang lepas, di-mana sa-orang jemaah yang sudah pernah menunaikan fardzu haji ada sa-chara tidak langsong membuat tekanan dengan shor2 supaya pegawai2 perhubongan menyelesaikan masaalah bas ini. Penyelesaian yang di-maksudkan itu ia-lah jangan ada kelak jemaah yang terpaksa dudok di-atas bumbong bas masa perjalanan ka-Arafah. Pada asasnya memang ini-lah yang di-kehendaki, tetapi chuma approach dan chara fikiran itu di-sampaikan sangat ketara untok menguji kebolehan pegawai2 bekerja. Dan lagi pun bahan yang di-jadikan batu ujian ini walaupun mudah di-sebut, tetapi juga di-ma'alomi oleh semua orang sa-bagai amat berat untok di-penohi seratus peratus. Sesiapa jua yang telah pernah ka-Mekah menunaikan haji, tahu-lah mereka. Dan malahan jemaah yang membuat chadangan itu sendiri apabila saya tanyakan bagaimana se-ingat-nya waktu dia menunaikan haji dahulu, ada atau tidak jemaah yang terpaksa naik ka-atas atap bas, maka di-jawab-nya ya ada, sa-bagaimana juga jemaah lain berbuat demikian (lihat saperti dalam gambar). Maka mengingat ini-lah, saya memohon kapada Allah mudah2an pada kali ini di-beri-Nya kami kejayaan total dalam perkara mengatasi masaalah kenderaan ini. Bukan kerana tundok chuma-chuma terhadap sebarang tekanan, tetapi kami sudah nampak dan dapat menduga ramai lagi jemaah telah berfikir sa-bagaimana jemaah tadi berfikir. Jika ini tidak di-tunaikan atau di-penohi, kesulitan dan kesusahan akan berlaku. Jadi apa hal kelak orang2 tua dan orang2 perempuan jika keadaan bertolak2 dan menjadi kelam-kabut?

Barangkali tuan akan bertanya: "Apa-kah tidak boleh pehak Sheikh dan pegawai2 perhubongan mengatorkan kedudokan masing2, mana yang sa-patut-nya dapat kerusi dan mana pula yang tidak (kalau perlu naik ka-atas bas?)" Betol, pada theori memang sangat mudah berbuat demikian, dan ini-lah chara yang sudah pun kami buat waktu di-Jeddah dan Madinah yang terdahulu dari ini. Tetapi hasil-nya tidak saperti yang di-harap2kan. Daripada kumpolan itu, lima atau enam orang sahaja yang tidak mematohi arahan2 tetapi sebalek-nya suka berchakap dan berchakap, maka keadaan boleh bertukar menjadi heboh dan bahkan kalau tidak tahan "memigang-mingangi" perasaan, boleh membawa kapada pertengkaran.

"Tuan, Sheikh! Saya harap tidak akan ada jemaah saya yang akan terpaksa naik ka-atas bumbong bas."

"Apa pasal?" Tanya Sheikh membaleki.

"Pertama saya khuatir keselamatan mereka itu...! Jawab saya.

Mendengar jawapan saya itu, Sheikh yang maseh muda itu ketawa dengan suara-nya yang parau.

"Ya akh (saudara) Haji Abdul Aziz, perchaya-lah Allah akan memeliharakan hamba-Nya yang sabar. Saya belum pernah mendengar perkara saperti itu di-timbulkan oleh jemaah2 lain. Sudah lama juga saya memegang kerja2 Sheikh ini. Semua orang mesti begitu. Kerana apa yang kita boleh buat, sedang kerajaan sendiri telah menghadkan penggunaan pengangkutan kapada tiap2 Sheikh sekian-sekian," Sheikh berkhotbah panjang.

"Itu betol, tuan Sheikh. Kita tidak-lah salahkan kerajaan tetapi bukan-kah private bas juga ada yang boleh di-sewa?" Saya chuba2 menjolok lagi.

Mendengar ini, lama Sheikh itu termenong saperti orang berfikir. Mungkin saya dapat menangkap isi fikiran-nya itu, kerana jika menyewa berma'ana dia akan membayar lebeh selain bayaran sewa untok bas kerajaan. Lagi pun sewa bagi sa-buah bas private bukan-lah seratus-dua. Sedangkan kami pegawai2 telah berazam tidak akan melibatkan wang jemaah dalam perkara ini. Sebalek-nya kami akan sunggoh2 meminta supaya Sheikh sendiri membayar-nya jika dia menyewa.

Alhamdulilah, akhir-nya Sheikh besetuju menyewakan lagi sa-buah bas private. Shukor segala puji bagi Allah jua. Tiga buah bas akan membawa jemaah Brunei yang bersheikhkan Ali Yassin ka-Arafah. Demikian juga jemaah2 kita yang bersheikh Haji Ibrahim Brunei di-urus dengan sebaik2-nya.

(BERSAMBONG



Bagini-lah keadaan jemaah haji lain sa-masa hendak ka-Arafh.



Lihat-lah mereka itu terdiri dari orang tua2. Alhamdulillah jemaah2 kita tidak-lah ada sampai bagitu.

# Tidak ada ranchangan keluaran Stem khas peringati Pos 70 tahun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Besar Pos di-sini menafikan yang ia-nya tidak membuat sa-barang ranchangan bagi membuat keluaran khas stem2 untok memperingati Perkhidmatan Pos yang ke-70 tahun di-Brunei.

Bagaimana pun Pemangku Ketua Pos Agong Brunei, Pengiran Jaludin bin Pengiran Limbang menyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini bahawa jabatan-nya telah meranchang dua lagi jenis keluaran stem khas tahun ini sa-bagai mana yang di-lapor-oleh Borneo Bulletin keluaran 12hb. Februari lalu.

Keluaran2 khas stem2 yang di-maksudkan itu ia-lah keluaran pertama bagi memperingati Jubilee Perak Queen Elizabeth yang pada masa ini pemilehan melalui kumpolan2 rekaan stem yang telah di-hantar oleh Crown Agents di-London sedang di-jalankan.

Ada-lah di-harapkan stem2 tersebut akan di-pesan dalam pasaran biasa dengan harga 10 sen, 20 sen dan 75 sen.

Keluaran kedua ia-lah stem2 bagi memperingati perayaan ulang tahun ke-10 Perpuspaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Lewat tahun ini juga satu pameran stem2 akan di-adakan di-Muzium Brunei dan sa-buah buku panduan bagi semua stem yang di-keluarkan di-Brunei pada tahun2 sudah akan di-keluarkan.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Brunei telah mengeluarkan stem2-nya sendiri bagi pertama kali dalam tahun 1907 dan pada tahun sa-belum-nya stem2 yang di-chetak oleh Labuan telah di-edarkan bagi Brunei.

# Perjumpaan Pertiwi di-Lumut

KAMPONG LUMUT. — Persatuan Pertiwi telah mengadakan mashuarat-nya di-Kampong Lumut-Sungai Liang bertempat di-rumah Pg Johnis bin Pg Haji Damit minggu lalu. Mashuarat itu ia-lah bagi melantek Jawatan-kuasa Kerja yang baru. Majlis itu juga di-serikan dengan sa-buah cheramah oleh Ahli Persatuan Pertiwi Pusat mengenai dengan kegiatan2 wanita dalam negara yang sedang membangun.

Persatuan Pertiwi di-kampong Lumut-Sungai Liang sini di-anggotai oleh kira2 100 orang ahli. Mashuarat petang itu telah melantek:—

Pengerusi, Dy Neamah bte Abd Rahman; Naib Pengerusi, Norziah bte Simo; Setiausaha, Che'gu Searah bte Haji Esa; Penulong Setiausaha, Asmah bte Abu Hassan; Bendahari, Hajjah Bafiah bte Haji Alias; Penulong Bendahari, Hajjah Norsiah bte Haji Moroni. Dan sa-ramai 6 orang jawatankuasa yang lain juga di-lantek.

# $7,630.00 bantuan TB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan telah mengeluarkan sa-jumlah $7,630.00 bagi membayar elaun bantuan kapada pesakit2 batok kering di-seluroh negeri dalam bulan Nobember 1976 lalu.

Dari jumlah tersebut ia-nya di-bayar $5,038.00 bagi penerima2 di-Daerah Brunei/Muara, $1,680.00 kapada penerima2 di-Daerah Belait dan $912.00 kapada penerima2 di-Daerah Tutong.

Demikian di-nyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini oleh jabatan berkenaan di-mana di-nyatakan juga jumlah penerima2 di-Daerah Brunei/Muara ia-lah 46 orang; 30 lelaki dan 16 perempuan, 14 orang di-Belait; 13 lelaki dan sa-orang perempuan manakala di-Tutong delapan orang; tujoh lelaki dan sa-orang perempuan.

Dalam bulan yang sama juga sa-ramai 118 orang pesakit batok kering telah di-rawat di-Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Di-samping itu sa-orang penerima telah di-berhentikan pembayaran bantuan di-Daerah Belait, dua orang di-Tutong dan dua orang di-Temburong.

# MENGENANG KEMBALI SIKAP DAN SIFAT RASULLAH S.A.W.



Majlis berzikir sempana Maulud.

## Achara Maulud di-mulakan

ACHARA sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. telah di-mulakan di-semua masjid dan surau negeri ini dengan mengadakan majlis2 berzikir sa-lama 12 malam hingga bulan ini. Gambar di-atas memperlihatkan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, YDM. Pehin Datu Inderasugara Dato Seri Laila Jasa yang juga merasmikan sambutan Maulud dan Pehin2 serta kaki-tangan Masjid Omar Ali Saifuddin sedang berzikir sempana Maulud pada malam Sabtu, 19hb Februari lalu.

Thema Maulud tahun ini "Ka-Arah Pendidekan Akhlak dan Peribadi Yang Sempurna" akan di-akhiri dengan perarakan raksaksa mengeliling bandar2 di-daerah masing2. Di-Brunei/Muara dan Belait perarakan di-adakan pada 3hb Mach dan di-Tutong dan Temburong pada 6hb Mach.

## Kursus Mualaf

SA-RAMAI 110 orang mualaf di-Daerah Belait telah meng-hadhiri kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei bertempat di-Masjid Jamadul Alam Kuala Belait pada hari Ahad, 20hb Februari lalu. Kursus tersebut di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar.

Kursus yang berjalan sa-lama sa-hari itu telah di-penohi dengan empat cheramah ugama yang di-sampaikan oleh empat orang Pegawai Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama ia-itu, cheramah 'Apa-kah Erti Ugama Islam' di-sampaikan oleh YB Pehin Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, 'Mengapa Kita Masok Islam' di-cheramahkan oleh Awang Haji Badarudin bin Pengarah Haji Othman, Pemangku Penguasa Penerangan dan Tablig.

Awang Haji Abdul Saman bin Abdul Kahar telah juga memberi-kan cheramah 'Sembahyang dan Puasa' sementara 'Kewajipan Sa-bagai Sa-orang Islam' telah di-cheramahkan oleh Haji Abu Bakar bin Haji Tengah.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2hb Mach, 1977 hingga ka-hari Selasa 8hb Mach, 1977 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 3hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 4hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 5hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 6hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 7hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 8hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.




SEKARANG ini kita umat Islam sedang di-dalam musim memperingati dan meraikan Maulud Nabi s.a.w. Sa-kali pun bentok dan chorak perayaan tersebut tidak berbeza dari yang lazim-nya namun pada tahun ini kita berharap semangat serta kenangan terhadap Rasullah junjongan kita itu akan ter-tumpu kapada peribadi mulia serta jejak langkah Baginda dalam hubongan-nya dengan langkah2 kita *"Ka-Arah Pendidekan Akhlak dan Peribadi Yang Sempurna"* yang menjadi thema sambutan Maulud Nabi tahun ini.

Sa-sunggoh-nya-lah tidak shak lagi pada diri Rasullah s.a.w. terhadap chontoh tauladan yang pa-tut menjadi ikutan dalam kehidupan kita sa-bagai hamba Allah yang berusaha ka-arah mendapatkan ke-redhaan-nya.

Hal ini tentu-lah tidak ada siapa2 pun di-antara kita yang meragukan-nya. Chuma tidak sa-ramai mana di-antara kita yang mengetahui lebeh lanjut akan butir2 mengenai chontoh tauladan yang patut menjadi ikutan daripada peribadi serta jejak langkah Rasullah junjongan kita itu. Oleh yang demikian mustahak-lah orang ramai di-beri kesempatan mengetahui dan mustahak-lah pula mereka itu mengambil kesempatan memahami dan mengetahui sa-banyak mungkin akan chontoh tauladan tersebut sa-masa mu-sim Maulud ini.

Mengenai dengan chontoh tau-ladan daripada Rasullah s.a.w. itu, sukachita-lah kita menarek perhatian kapada sa-potong ayat Al-Koran yang biasa di-sebut dengan rengkasan sa-bagai ayat:

"لقد جاكم"

Ramai di-antara kita perchaya ayat itu mempunyai hikmat2 ter-tertentu. Sa-sunggoh-nya ayat tersebut termaktub di-dalam Al-Koran ia-itu di-dalam juz ke-sepuloh, surah Attaubah ayat 128 yang berbunyi:

"لقد جاءكم رسول من انفسكم عزيز عليه ما عنتم حريص عليكم بالمؤمنين رءوف رحيم"

*Yakni:*

*"Allah s.a.t. berfirman bahawa sa-sunggoh-nya telah datang ia-itu di-utus kapada kamu sa-orang Rasul (Nabi Muhammad) dari jenis manusia sendiri. Baginda sangat mengambil berat akan pen-dirian kamu, sangat mengingin-kan kesejehteraan kamu, bersifat penyantun, lemah lembut penya-yang terhadap orang yang ber-iman".*

Jadi ayat tersebut ia-lah sa-bahagian daripada rangkaian fir-man2 Allah yang menegaskan perihal diri Rasullah junjongan kita itu. Dan di-dalam ayat itu tadi Allah menegaskan sa-bahagian daripada sifat serta sikap utama baginda ia-itu sa-bagai sa-orang nabi dan rasul yang juga menjadi pemimpin kita di-dunia dan di-akhirat, Ba-ginda sangat-lah mengambil berat akan penderitaan kita, sangat menginginkan pula kesejehteraan kita. Kerana itu-lah dalam men-jalankan tugas2 pemimpin itu Baginda sangat bersunggoh2 agar sa-kalian kita yang menjadi pengikut-nya akan beroleh ke-redhaan Allah serta akan terhin-dar daripada kemurkaan yang tentu-nya akan membawa akibat benchana di-dunia dan di-akhirat. Dan dalam bersikap bersunggoh2 memimpin itu Baginda juga ber-sifat sopan santun, lemah lembut dan penyayang terhadap kita yang beriman ini.

Tentu-lah dua perkara yang di-sebutkan itu merupakan chontoh sifat serta sikap mulia lagi ter-puji bagi di-ikuti oleh sa-tiap kita, kerana baik apa pun kedudokan kita dalam masharakat kita ma-sing2 tidak terlepas daripada tanggong-jawab sa-bagai pemim-pin itu, ia-itu sa-kurang2-nya pe-mimpin terhadap diri sendiri atau pun keluarga dan anak isteri—apa-lagi kalau kita men-jadi pemimpin dalam bidang2 tugas kita sama ada yang ber-sifat rasmi atau pun tidak rasmi. Maka hendak-lah kita bersikap sunggoh2 dan mengambil berat serta menaroh perhatian akan susah senang orang2 yang di-pim-pin dan bersifat lemah lembut, bersopan santun serta penyayang terhadap orang2 yang di-pimpin-nya.

Itu-lah sa-bahagian butir2 me-ngenai chontoh tauladan daripada peribadi Rasullah junjongan kita itu. Sementara butir2 mengenai jejak langkah Baginda pula an-tara-nya ia-lah sa-bagaimana yang di-riwayatkan bahawa pernah sua-tu ketika sa-orang pemuda da-tang mengadap Baginda menyata-kan hasrat-nya ingin sama ber-juang (berjihad) sedang kedua2 orang tua-nya di-tinggalkan-nya berhati walang dan rawan. Maka terhadap pemuda yang berse-mangat tetapi kurang berhimah itu Baginda Rasullah s.a.w. telah mengarahkan-nya supaya kembali sahaja ka-pangkuan ibubapa-nya dan berbuat baik dalam mendam-pingi mereka.

Jejak langkah Baginda itu tentu-lah menjelaskan betapa mus-tahak-nya sa-orang pemimpin ti-dak patut mengambil kesempatan demi sa-mata2 kerana menjayakan perjuangan sa-hingga memper-gunakan orang2 muda yang ber-semangat tetapi kurang berhimah dengan sa-kehendak hati, sa-balek-nya mustahak-lah orang yang muda belia saperti di-dalam riwa-yat tadi itu di-selamatkan supaya jangan terburu nafsu sampai me-lupakan kewajipan yang lebeh utama terhadap ibu bapa-nya.

Demikian sa-bahagian perkara2 yang patut kita fahamkan dalam suasana kita memperingati dan merayakan Maulud Nabi s.a.w. tahun ini yang berthemakan *"Ka-Arah Pendidekan Akhlak dan Peribadi Yang Sempurna"*. Chontoh2 yang di-sebutkan tadi ada-lah berkaitan juga dengan thema tersebut sa-kurang2-nya dari segi ertikata pendidekan akhlak dan peribadi yang sem-purna itu ia-lah bererti sikap serta sifat2 sentiasa bertanggong-jawab dan mengutamakan tang-gong-jawab itu lebeh daripada kesempatan memperalatkan ma-na2 orang yang dapat di-ambil ke-sempatan daripada-nya.



Sa-bahagian dari peserta2 Kursus Mualaf Daerah Belait.

## SAUDARA BARU ISLAM

SA-RAMAI sembilan orang da-lam satu keluarga telah memelok Ugama Islam yang di-langsong-kan di-rumah Awg Haji Abdul-lah bin Pehin Dato Penglima Haji Abu Bakar pada 18hb Feb-ruari lepas.

Awg Anggak anak Unan me-mileh nama Islam-nya sa-bagai Awg Abd Rahman bin Abdullah, isteri-nya Dyg Mai anak Medan di-kenali kini sa-bagai Dyg Mai-salamah bte Abdullah dan tujoh orang anak2 mereka yang juga kini di-kenali sa-bagai Awg Za-marul Azman, Nor Zarina, No-raslina, Norzalina, Asrina, Bol-hassan dan Abu Bakar.

Mereka telah di-hadiahkan de-ngan beberapa chendera mata dari Majlis Ugama Islam yang di-sampaikan oleh Pegawai Dae-rah Tutong dan Penguasa Pene-rangan dan Tabliq. Bachaan Al-Koran serta zikir Marhaban telah di-adakan. Turut hadhir ia-lah Khadi Daerah Tutong.

Sa-orang lagi pemuda Iban te-lah juga memelok Ugama Islam, Awg Wong anak Langgai telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Awg Omar bin Abdullah.



Majlis pengIslaman bagi Awang Abdul Rahman bin Abdullah dan keluarga.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 521 orang penuntut aliran Inggeris di-sekolah2 menengah Kerajaan dan Misi dari sa-ramai 1,632 orang chalun yang mendudoki Pepereksaan Brunei/Cambridge perengkat biasa telah lulus dengan mendapat tiga hingga delapan mata pelajaran kepujian.

Pepereksaan tersebut yang telah di-adakan dalam bulan Nobember, 1976 yang lalu di-berapa pusat pepereksaan seluroh negeri menghasilkan peratus yang lulus ia-lah 31.92 peratus, ia-itu merosot dari peratus tahun 1975 — 33.45 peratus, sa-banyak 1.53 peratus.

Sekolah Misi St. Margaret's, Seria telah menchapai 75.86 peratus lulus dari keselurohan chalun2 yang mendudoki pepereksaan itu manakala di-sekolah menengah Kerajaan, Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait pula menchapai 40.90 peratus penuntut2-nya lulus.

Chalun2 persendirian yang lulus hanya 18.66 peratus atau 28 orang dari semua chalun yang mendudoki sa-ramai 150 orang, sementara chalun2 kelas dewasa pula chuma sa-ramai lima orang atau 11.36 peratus lulus dari jumlah chalun 44 orang mendudoki.




# KEPUTUSAN PENOH BRUNEI CAMBRDGE 1976

**— PERENGKAT BIASA, ALIRAN INGGERIS —**

(Tertaklok kapada pengesahan keputusan asal)

**Hanya chalun2 yang telah mendapat Sijil Am Pelajaran (S.A.P.) sahaja yang di-chatetkan di-bawah ini mengikut yang di-perolehi.**

## MAKTOB SOAS

Abd Manap bin A Murat G4, Ak Abd Rahman Pg Hj Ismail G6, Aminah bte Haji Mohd Jaafar G8, Chong Li Chen G5, Chua Kui Hua G7, Douglas Wong Tet Fah G5, Faridah binte Abdul Hamid G4, Ag Hj Ellmi Ag Hj Jambol G3.

Hartini bte Abdullah G7, Hjh Normah S H Hj Mohd Jamil G5, Japar bin Dullah G5, Kenneth Newn Ted Choi G7, Koh Hoe Aik G6, Lily bte Hj Kula G7, Lim Mai Lee G4, Lim Tiong Seng G7.

Malai Halimah bte Malai Yussof G6, Mary George G7, Osman bin Haji Damit G7, Othman bin Timbang G4, Sabali bin Abas G6, Salamah Awg Ladi G6, Siti Aisah bte Hj Mohd Jaafar G8, Matnarudin bin Ibrahim G7.

Tiew Siew Ping G7, Vincent Kong Sui Fong G4, Wong Peng Hoon G6, Yapp Chong Shinn G6, Zaiaini bte Noorkhan G8, Zaini bin Madaros G3, Abd Manap bin Ag Adam G3, Ak Kamarudin bin Pg Tuah G3.

Dk Zainab bte Pg Yusof G6, Dy Zainon bte Haji Mohd Tahir G3, Eng Siok Tin G5, Hajjah Suriyah Haji Umar G3, Han Kiem Kwang G3, Lim Cheng Siong G5, Lim King Fui G6, Lim Suat Geok G6.

Majid bin Ali G3, Noraini bte Hj Abd Manap G5, Norhani bte Awg Buntar G4, Norliah bte Abd Wahid G3, Normah bte Md Yassin G4, Poh Eng Hong G7, Rosinah bte Salleh G4, Abdul Rahman bin Hj Modin G3.

Clovis John Lai Shiak Hin G3, Dary binte Ryong/Riung G4, Dy Romsawatty bte Abdul Mumin G6, Hajah Masni bte Haji Ibrahim G6, Hasnah bte Mohamad G4, Latifah bte Sulaiman G5, Maimunah bte Awg Haji Jamil G3, Md Ishak bin Dzulkifli G6.

Si-rumput binte Haji Pudin G3, Zainab bte Mohd Yussof G4, Bahar bin Talip G5, Dabeding bin Haji Dullah G3, Daina bte Hj Mohd Noor Aston G3, Dyg Rohani Awg Matzin/Hamni G4, Idris bin Abdul Hamid G3, Mohd Hussin bin Said G3.

Omar Ali bin Haji Mohd Daud G5, Chew Ying Hong G5, Chin Swee Yung G3, Dayang Minah bte Murat G4, Dk Kamariah Pg Md Yassin G4, Dyg Zaikiah bte Noorkhan G3, Jaidin bin Timbang G3, Lee Poh Thoe G6.

Rusni bte Sulaiman G7, Sariah bt Mahmud G3, Teresa Law Alias Chung Ah Moi G4, Ang Guat Beng G4, Dk Rogayah bt Pg Hj Abu Bakar G5, Goh Kui Hung G5, Latipah Hj Md Noor G3, Mohammad Ajimin bin Tanjong G3.

Abdul Ghani bin Metussin G5, Abdul Mutalif bin Abdullah G3, Abdullah bin Haji Tengah G5, Bahar bin Haji Japar G4, Basir bin Haji Ibrahim G3, Dayang Hadijah Abdul Hamid G3, Hajjah Rosnani Hj Zainal G3, Hanipah bte Rashid G3.

Mohd Salleh bin Omar G3, Norani bte Awg Mohd Said G3, Puasa bin Dullah G3, Sabli bin Mumin G4, Ang Eng Leong G3, Asiah binte Hj Burut G3, Dk Fatimah Pg Mat Salleh G4, Dk Maszaharah bt Pg Abd Rahman G3.

Dk Zubaidah bte Pg Ahmad G3, Dyg Masni bte Ahmad G5, Ihah binte Salleh G3, Khalid bin Awg Damit G3, Lim Eng Kean G3, Noraini bte Awg Mohd Yussof G3, Osman bin Haji Mat Noor G4, Salih bin Tuah G3.

Siah bte Duraman G5, Abd Khalid bin Abd Hamid G4, Adnan bin Md Salleh G3, Awg Matkasim bin Haji Ahmad G4, Dk Saadiah Pg K I Pg A Tajuddin G4, Dy Norti bte Abas G3, Dy Tiarmah bte Haji Ibrahim G3, Dk Azizah bte Pg Said G3.

Md Salleh bin Bolhassan G4, Norsiah bte Ahmad G4, Rosli bin Ibrahim G3, Sadiah bte Haji Hitam G4, Siti Mahrum bte Abdul Halim G4, Zaliha bte Hj Ibrahim G3, Zakir bin Mangarshah G3, Zulkifli bin Mohd Noor G3.

Aslan bin Awang Damit G5, Awg Ahmad bin Hj Abd Mohin G3, Awg Ali bin Hj Aji G3, Dk Saadiah bte Pg Hj Tuah G3, Dk Saadiah bte Pg Md Daud G4, Dy Rumit bte Hj Murah G3, Fatimah bte Hj Awg Md Salleh G4, Md Maidin bin Daud G3.

Razab bin Azahari G3, Rosni bte Hassan G3, Siti Zainab bte Hitam G3, Yakub bin Daud G4, Zainaf bte Matnoor G3, Abdul Aziz bin Mohd Hassan G4, Ak Abd Halim bin Pg Tuah G4, Dk Dismani bte Pg Metussin G3.

Dy Rosnani bte Saman G3, Sahari bin Zainal G4, Said bin Haji Sirat G3, Rahimah bte Hj Abd Rahman G3, Awg Metussin bin Hj Aji G3, Dk Fatimah bte Pg Hj Ismail G4, Dy Masni bte Abd Karim G3, Hj Md Hussin bin Hj Md Salleh G3.

Mayassin bin Abdullah G3, Shahminan bin Sulaiman G4, Abd Hamid bin Abdullah G4, Abd Hamid bin Hj Abu Bakar G3, Aisah bte Taha G4, Dayang Naidah bte Kasim G3, Dayangku Kamaliah bte Pg Matyassin G4, Dy Randah bte Hj Ibrahim G3.

Dullah bin Saban G4, Mahani bte Abd Rahman G4, Rohani bte Mantok G4, Dayangku Rosnani Pg Hashim G3, Dy Asiah bte Md Yussof G3, Ismah bte Besar G4, Jali bin Hj Nudin G4, Lee Siew Nyuk G6.

Raimah bte Mawang G3, Sia Ho Chai G3, Zaiton bte Haji Tuah G3, Jamilah bte Momin G3, June binte Japar/Roahaya G3, Mastura bte Kalong G3, Rosnani bte Othman G4, Si Antin bin Haji Jamahat G3.

Zahrah bte Abu Bakar G3, Zaiton binte Mohd Salleh G4, Noorlah bte Kunchang G3, Nordin bin Mat Jair G3, Noriah bte Samad G4, Rakiah bte Simbran G4, Suhaili bin Hj Hassan G3, Tajudin bin Hj Md Salleh G4.

Zaaba bin Hj Shuib G4, Abd Latif bin Aspar G3, Abd Wahab bin Sapar G6, Aisah bte Ismail G3, Ak Abas bin Pg Apong G3, Ak Sulaiman bin Pg Ali G5, Awg Nasib bin Ismail G3, Dy Junainah bte Awg Hj Hussin G4.

Hj Ali Hassan bin Hj Ahmad G4, Jamain bin Taib G4, Kassim bin Tapa G3, Md Tiab bin Nasib G4, Metassim Hj Ahmad G4, Noriah bte Hj Ibrahim G3, Wee Ken Teck G4, Zainal bin Ismail G3.

Abg Mohd Ali A Abu Hanifah G5, Ahmad bin Adam G4, Awg Gani bin Abdul G4, Anizah bte Elias G3, Baha bin Gandor G3, Dy Asmah bte Yusof G4, Dy Azizah bte Hj Umar G3, Hj Ahmad Almakki bin Hj Saman G3.

Jahrah bte Awang Damit G5, Maimunah bte Osman G4, Mohamad bin Salleh G3, Nordiah bte Hj Mohidin G4, Salim bin Muntol G5, Sinah bte Awg Nayan G3, Abd Rahman bin Tengah G3, Ak Yasfadillah Pg Hj Md Yassin G3, Dayang Tiamah bte Dollah G4.

Dy Nooriah bte Md Yussof G3, Dy Zaiton bte Abu Bakar G5, Fatimah bte P U K Hj Tamin G3, Harun bin Jubir G3, Ranni bte Jandah G5, Seroja bte Jubir G3, Rahimah bte Damit G4, Siti Rokiah Hj Ibrahim G4.

Abd Latif bin Hj Jamil G4, Brahim Abd Rahman/Duraman G4, Dk Halimah bte Pg Ahmad G4, Dk Rosnah bte Pg Abd Wahab G4, Fatimah bte Awg Burut G6, Kamsiah bte Hj Ahmad G5, Lim Eng Hui G4, Lim Poon Yek G5.

Lim Swee Ben G4, Metali bin Yahya G3, Mohd Yussof bin Awg Besar G5, Richard Payong G5, Shahminan Haji Ludin G4, Tengah bin Narudin G3, Dk Sharinah bte Pg Mohd Salleh G5, Dy Abadah bte Hj Ali Hussin G4.

Ghani bin Abd Hamid G5, Kassim bin Ibrahim G3, Liboh bte Ngilau G3, Sumarinah bte Abdul Rahman G6, Yaakub bin Haji Ludin G5, Ak Baharudin bin Pg Damit G3, Ak Mumin bin Pg Sulaiman G3, Ak Sulaiman bin Pg Duraman G3.

Dk Rosni bte Pg Ismail G3, Dk Siti Ajar bte Pg Damit G3, Dy Norsalam bte Abd Latiff G3, Hamzah bin Shawal G5, Hj Ahmad bin Hj Mohd Yusof G4, Jauyah binte Serudin G3.

Jaya bin Hj Butir G3, Malai Jusnani Sh Nekman G3, Moksin bin Brahim G3, Pg Md Alias Pg Muda Hashim G5, Zaini bin Awg Chuchu G5, Dy Noriah Awg Abd Halim G4, Hishamuddin Hj Sabtu G4.

## SEKOLAH MENENGAH CHUNG HWA BSB

Ang Bee Koon/Ang Bee Yean G5, Chok Ming Khan G3, Chok Ming Thau G3, Han Chock Lee G3, Liu Kwang Jack G5, Tan Boon Tek G3, Tan Kien Hong G3, Teo Tsair Ter/Teo Chai Teck G4, Wee Yiun G3.

## ST. ANDREW'S

Cheok Van Ku Allan G4, Ong Teck Wee Andrew G7, Shin Nyat Yin G4, Tuan Malek Saldin G4, Chee Suk Fung Caroline G6, Foo Chek Lim G3, Goh Bie Lin Linda G5, Hyun Sook Kim G4, Lamb Patricia Rose G7, Painah bte Paiman G3, Seto Chi Lin G4, Usha Seetha Subramaniam G5, Zainab bte Hj Hassan G3.

## ST. GEORGE'S

Chee Swee Chin G7, Bruce Han Ti Ang Kwang G4, Catherine Kong Nyet Yun G5, Margaret Lee Nyuk Yong G3, Rosemary Chong Ah Kiaw G4, Bibiana Wong Pau Yoon G3, Bridget Newn Siew Moi G5, Cheng Wai Man G6.

Giles Manorharan Pillai G4, Ivan Fang Yau Hong G7, Jerome Fang Yau Yong G3, Razak Wahap G6, Shaji John G5, Tom Joseph G4, Peng Eng Lee G5, Wong Toon Cheng G5, Richard Yong Siong Lee G3, Teo Soo Ann G5.

## SUFRI BOLKIAH

Ak Yura Kesteria B PSN Yusof G3, Chung Yeah Ying G7, Ho Tiong Chin G4, Koh Chin Yong G5, Leong Voon Choon G4, Marsad bin Ismail G7, Mohd Hassan bin Marsal G3, Yaakub bin Yusof G4.

Abd Aziz bin Haji Abu Hanifah G3, Jamil bin Umar G3, Kassim bin Mohammad Yassin G5, Othman bin Moksin /Mohsin G4, Rabiah bte Nasir G3, Samihon bin Kachi-Kechi G4, Tamin bin Saman G3, Anjah/Amzah b Hj Abd Rahman G3.

Jainah binte Musa G3, Kaipah binte Bakar G3, Mansor bin Kassim G3, Noraini binte Musa G3, Matali bin Lasim G3, Ahmad bin Daud G3, Alam bte Nayan G4, Brahim bin Md Yassin G3, Duwin bin Junidi G3.

Hamidah bte Abdul Hamid G5, Isah anak Japang G3, Jandi bte Salleh G3, Jemilah bte Seruji G4, Rosni binte Ramidi G3, Salleh bin Mohammad G3, Siti Abibah bte Abd Fattah G3, Siti Jainah binte Jamuddin G3, Zaiton bte Mohsin G4.

## MAKTAB ANTHONY ABELL

Ak Mohd Yusof bin Pg Jeludin G4, Chin Yew Chin G6, Haidah bte Ali G3, Kadon Tangkaja G3, Lee Chew Nyet G7, Leong Ngok Pheng G7, Mosli bin Mohamad G3, Sediah Madali G3.

Siah bte Amat G6, Tan Ing Ing G6, Voon South Yong G4, Abas bin Ismail G3, Abdul Lani bin Abdul Samad G7, Arihati bte Sahmat G3, Norsah bte Tinggal G3.

Sait bin Jali G3, Aminah bte Drahman G3, Joyah bte Salleh Alias Salie G3, Momin bin Jamil G4, Nurieh bte Abu Bakar G3, Yassin bin Tengah G5, Mohammad Shuani bin Kadir G3, Pang Yoke Kiew G4, Tan Nyok Poi G4.

Yong Chiew Yin G4, Wong Nyuk See G3, Aisah bte Haji Mohamad G7, Daud bin Duraman G6, Kamsiah bte Bungsu G3, Marel bin Amat G3, Mohd Yakup bin Tengah G3, Noor Azalie bin Abdullah G4, Rosnani bte Abdul G3.

## ST. ANGELA'S CONVENT

Anandavally Amma Ajitha G7, Catherine Chin G7, Chan Sook Yee G7, Chen Khui Fong G3, Chew Peek Yen G5, Chia Yoke Wei G5, Chiam Mee Kin G3, Chin Gwo Shu G3.

Chin Lee Phin G5, Choo Siew Whay G3, Chow Oi Khan G6, Chu Kieu Ching G7, Eleanor Yong Pau Ying G7, Ester Christine Graeme G6, Foo Mui Chen G5.

Han Ai Ling G4, Helen Ann Cheong Mei Yoong G7, Ho Hin Leng G6, Hong Alias Hon Wee Len G6, Jessie Theresa Guibarra G5, Kong To Leng G6, Law Lay Hoon G7, Lim Geok Chai G6.

Lim Siew Kiem G5, Liu Lee Lin G5, Lo Me Kim G5, Patricia Phan Yun Ngen G4, Ponnammal Alias Girijah G6, Ranjinder Kaur G4, Sabita Gopinath G7.

## ST. MICHAEL

Tan Chui Ling G5, Tan Heng Moi G4, Tan Nyuk Khim G4, Thong Ka Mei G6, Voon Khen Fah G7, Wilhelmina Yee Nyen Kiaw G6, Wong Mei Lan G4, Yun Choon Lan G6.

Chow Shu Hui G5, Chung Shin G3, David LLoyd Jayasuriya G3, Francis Lee Kim Swee G3, Lee Moh Wai G5, Leo Bin Raee G5, Ang Siew Khiang G6.

Chew Teck Sin G6, Chew Tek Wen G3, Geoffrey Clive Carson G3, Jacob Wong G4, Leong Kin Lin G6, Leong Tit Mun G6, Lim Kok Seong G7.

## ST. MARGARET

Liu Chia Chi G7, Lo Eng Shong G4, Michael Chia Fook Loy G7, Raymond Tan Kim Poon G6, Tan An Soon/An Soon Tan G7, Tan Kian Ngee G7, William Teo Yu Teck G6, Michael Ng Vai Yin G4.

Liew Fui Tsung G6, Chen Thian Ming G5, Chiu Thien Soo G4, Shakespear bin Md Shahziar G6, Teo Kheng Hock G3, Wong Fook Yau G3, Wong Ling Ming G7.

Wong Ling Wen G5, Chong Su Chin G6, Chong Sock Ko G5, Florence Koong Yee Vun G3, Helen Sylvia Hill G5, Ho Wai Lan G7, Judith Chan Lian Hua G7.

Kiron Bhattacharjee G3, Law Swee Choon G6, Margaret Loo Moh Kan G7, Mariani bt Bongsu G5, Nalini N G3, Tan Suk Choo G6, Yapp Oi Lin G3, Yong Chui Chu G5.

(BERSAMBONG)

# PERTIWI AMALKAN DASAR BERBAIK2 DAN HARMONI — Datin Zaharah



Datin Hajjah Zaharah.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pertiwi ada-lah sa-bagai ahli gabongan Majlis Belia2 Negeri Brunei, telah menjalankan peranan-nya sa-chara aktib dan insha Allah, akan terus memainkan peranan-nya buat masa2 yang akan datang sa-berapa yang terdaya.

Ahli2 Pertiwi sukachita melihat serta menggalakkan lain2 persatuan sama bergerak bagi menchapai dasar tujuan persatuan masing2; walaupun kedudokan itu boleh menimbulkan perasaan berlumba2 asalkan ia-nya berjalan di-atas unsor2 yang sehat dan saling hormat menghormati serta demi kepentingan bangsa dan negara Brunei Darussalam.

Ini telah di-tegaskan oleh Pengerusi Persatuan Pertiwi, Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris, dalam uchapan aluan2 beliau di pembukaan rasmi Pertiwi yang ke-8, di-Dewan Pusat Belia, minggu lalu.

Menurut Datin Hajjah Zaharah bahawa Pertiwi ia-lah sa-buah badan wanita yang mempunyai organisasi-nya yang tersendiri yang meliputi seluroh negeri ini. Jawatankuasa pentadbir yang ada di-Bandar Seri Begawan itu, ia-lah meliputi seluroh negeri ini. Jawatankuasa2 kerja yang di-tubohkan di-sesuatu kawasan saperti Tutong, Belait dan lain2 kawasan merupakan sa-bahagian dari Jawatankuasa2 pentadbir itu tadi. Jadi-nya, soal chawangan tidak berbangkit. Pertiwi merupakan satu badan, satu pentadbiran tetapi mempunyai beberapa jawatankuasa kerja di-mana sahaja kawasan yang memerlukan-nya.

"Pertiwi sentiasa memperkokohkan lagi persafahaman dan silaturrahim di-kalangan ahli2-nya; dan Pertiwi sabagai sa-buah badan wanita di-negeri ini juga sangat2 menghargai serta menghormati unsor2 silaturrahim; sama ada di-antara ahli2-nya dengan ahli sa-sebuah persatuan lain termasok-lah badan2 wanita di-negeri ini.

"Ahli2 Pertiwi juga sentiasa mengamalkan unsor2 keharmonian menurut dasar2 tujuan persatuan ini sa-bagaimana yang telah termaktub dalam perlembagaan-nya.

"Saya uchapkan banyak2 terima kaseh dan penghargaan kapada seluroh anggota Pertiwi yang telah bertungkus lumus sa-panjang tahun pada menjayakan usaha2 yang berkebajikan dan semoga akan mendapat keberkatan dari Allah s.a.t.", jelas beliau.

Terdahulu dari itu, Datin Hajjah Zahrah telah menyatakan bahawa Pertiwi telah melalui satu sejarah gilang gemilang bukan saja dari aspek ahli2-nya bahkan lebeh2 penting ia-lah penyertaan ahli2-nya dalam usaha dan azam serta kegiatan2 yang membayangkan masa depan Pertiwi, sangat-lah cherah.

Antara usaha2 dan kegiatan2 Pertiwi itu ia-lah: Menyumbangkan jasa baik dalam pendidekan kanak2 dengan mengadakan Taman Asohan Pertiwi yang berusia hampir 5 tahun. Kelas Ugama, masakan, jahitan, dzikir, membanteras buta huruf yang di-jalankan dengan berkesan dan terus berkembang.

Dari segi sokan, Pertiwi telah juga mendapat kejayaan 3 tahun berturut2 dalam perlawanan tarek kalat, menyertai perayaan2 sokan di-sungai Brunei (perlumbaan perahu), menyertai kempen Anti-Kamah baru2 ini dan lain2 lagi.

Upachara pembukaan rasmi mashuarat agong Pertiwi itu telah di-lakukan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna binte Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairiwaddien.






Sa-bahagian dari ahli dan hadhirin dalam mashuarat agong Pertiwi.

## Perlawanan sepaktakraw, kursus jasmani

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 7 pasokan sekolah2 menengah dan maktab2 di-seluroh negeri akan mengambil bahagian dalam perlawanan sepaktakraw yang di-jangka akan berlangsong pada akhir bulan ini.

Sekolah2 menengah dan maktab itu ia-lah:— Maktab Perguruan Ugama, Sekolah Kejuteraan Sufri Bolkiah, Tutong, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong, Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara, Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dan Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Sementara itu sa-ramai 23 orang guru2 sekolah2 seluroh negeri akan mengikuti Kursus Pendidekan Jasmani Kumpolan lima (pusingan akhir) pada 6hb March ini bertempat di-PTE, Jalan Muara.

Sa-masa dalam berkursus guru2 itu akan menempoh ujian berenang dan pertolongan chemas. Kedua2 kegiatan tersebut ada-lah anjoran Jabatan Pelajaran. Demikian telah di-nyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini oleh juruchakap di-Bahagian Pendidekan Jasmani.

## Rombongan muhibbah Belia2 Labuan



Gambar ini menunjokkan sa-rombongan muhibbah mengandongi 17 orang belia2 dari Labuan yang telah mengadakan lawatan ka-Negeri Brunei, baru2 ini. Mereka menjadi tetamu Persatuan PERKOTA. Sa-waktu di-Brunei mereka telah berkesempatan mengadakan perlawanan bolasepak dan sepaktakraw sa-chara persahabatan.

## 16 PANDUAN [UNDANG2 KE-9]



UNDANG2 KE-9 — BOLA DI-DALAM DAN DI-LUAR PERMAINAN:—

Bola ada-lah di-luar permainan:—

a. Apabila kesemua bola telah melintasi garisan gol ataupun garisan tepi, baik di-tanah ataupun di-udara.

b. Apabila permainan telah di-berhentikan oleh Pengadil.

Bola itu ada-lah dalam permainan pada bila2 masa lain mulai daripada permulaan perlawanan hingga di-tamatkan termasok-lah:—

a. Bola melantun daripada tiang gol, palang gol atau pun tiang bendera penjuru, ka-dalam padang permainan.

b. Bola melantun daripada Pengadil atau pun Penjaga2 Garisan bila mereka berada dalam padang permainan.

c. Jika sekira-nya ada perlanggaran undang2, sa-hingga keputusan di-beri.

KEPUTUSAN LEMBAGA ANTARABANGSA

1. Garisan2 ada-lah sa-bahagian dari kawasan2 yang di-sempadankan. Dengan sebab itu garisan2 tepi dan garisan2 gol ada-lah sabahagian dari padang permainan.

NASEHAT KAPADA PEMAIN2:—

Ambil ingatan bahawa kesemua bahagian bola itu mesti-lah melintasi garisan gol atau garisan tepi untok di-kira terkeluar dari permainan; ini nyata bermakna jika bola itu bergolek di-atas salah satu daripada garisan2, bola maseh dalam permainan.

Khas-nya dalam undang2 ini, bermain mengikut wisel bukannya kapada bendera; isharat Penjaga Garisan hanya untok Pengadil dan beliau sa-orang sahaja yang berkuasa memberi keputusan2-nya.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

1. PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Ugama Brunei; atau;

b) Lulus empat matapelajaran dalam pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran termasok pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu, dan lulus Darjah VI Sekolah Ugama; atau

c) Guru2 Ugama Terlateh yang berkhidmat dalam jawatan tersebut sa-kurang2-nya lima tahun. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang pernah menghadhiri kursus2 Pegawai2 dan Guru2 Ugama.

**Umor:** 18-30 tahun.

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — $490x25-615/ EB /670x20-790.

2. PENOLONG SETIA USAHA BAITOL MAL:

**Kelayakan:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sa-kurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran termasok lulus dalam matapelajaran Ilmu Hisab, dan Darjah VI Melayu.

b) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 40 tahun dan bersedia untok berkhidmat di-mana2 Daerah di-dalam Negeri.

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4 — $290x10-350x15-440-490x 25-615/EB/670x20-790. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENJARA GUBAH MAKAM DIRAJA:

**Kelayakan:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menggapai dan membacha Talqin dan tahlil dan yang sa-umpama-nya bila2 masa di-kehendaki.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji U. 2 — $300x10-470-510-520-535.

4. PENGAWAS KECHIL:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sa-banding dengan-nya.

b) Berumor tidak kurang dari 20 tahun.

c) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 penyeliaan dan pengawasan buroh.

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB.3 — $280x10-350/EB/360x10-410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan, bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Mach, 1977.

## KENYATAAN TAWARAN

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantarkan tawaran mereka untok membekalkan alat2 pembesar suara bagi Masjid Mohammad Jamalul, Kuala Belait.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Penegrusi Lembaga Tawaran Brunei di-alamat Pejabat Kewangan, Tingkat bawah Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei tidak lewat pada 28hb Mach, 1977 hari Isnin jam 12.00 tengah hari dengan sampol surat yang bertutop tanpa membuboh nama pengirim-nya dengan hanya menyatakan nama di-sarong surat "PEMBEKALAN ALAT2 PEMBESAR SUARA MASJID MOHAMMAD JAMALUL ALAM KUALA BELAIT, JABATAN HAL EHWAL UGAMA."

3. Wang deposit hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama (bahagian Kewangan) Brunei tingkat pertama pada bila2 masa waktu Pejabat di-buka hingga jam 3.00 petang sa-hingga 26hb Mach, 1977 sabanyak $200.00 (Dua ratus ringgit sahaja).

4. Keterangan2 lanjut mengenai perkara ini boleh di-dapati dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Brunei (tingkat bawah, bahagian Pengawas Tingkat Khas) pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

## STATES STORES AND TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Tuesday, 8th March, 1977 for the supply of:

Tender No: 3/77
MOTOR VEHICLES TYRES AND TUBES, various sizes.

Tender No: 4/77
100 UNITS 24 INCH LAWN MOWER HAND PROPELLED.

Please contact office of the Controller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei for details of tender.

## DI-JABATAN PELABOHAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Atendan Pesawat di-Jabatan Pelabohan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah tamat kursus penoh masa sa-lama tiga tahun kursus dalam matapelajaran electrical installation and refrigeration di-sebuah sekolah teknikal yang di-akui. Mempunyai kelayakan City and Guilds dalam Pengajian Letrik merupakan satu kelebehan.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 pemasangan 'switch-boards' dan mengesan puncha kerosakan pesawat2 letrik.

c) Pemohon2 mesti-lah bersedia untok bertugas di-kawasan Muara.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E. 2 EB. 3 — $320x10-350/ EB /360x10-410. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Mach, 1977.

## P. W. D. TENDER NOTICES

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan from Registered Class "A" Contractors up to 12.00 noon, Tuesday 15th March 1977 for the

EXECUTIVE OF BUILDING AND CIVIL ENGINEERING WORKS UNDER TERM CONTRACT AT ESTABLISHMENTS MAINTAINED BY THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT AT BERAKAS AND BOLKIAH.

2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 15th March 1977 will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderers.

4. Tender Documents may be examined at and obtained from the office of Frank & Vargeson, Chartered Quantity Surveyors, 146 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan at any time during normal office hours.

5. The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide Tender.

6. Tenders shall be submitted only on the Tender Forms provided.

7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any Tender.

Frank & Vargeson
Chartered Quantity Surveyors
146 Jalan Chevalier
P. O. Box 61
Bandar Seri Begawan

# BAHAGIAN INGGERIS

# RADIO

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (Repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Music. 8.30 — Midweek Greetings by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon—we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—The Young Sounds with Charan Chand; 8.30 — My Word; 9.00 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening from Nafisah Haji Ali; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —Sports Magazine; 11.15 — Veronica Shim Calling On You. PM: 12.15 — International Money Programme; 12.30 — News; 12.45—Our Brunei (Repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five: "Under The Loofat Tree" by Giles Cooper; 8.45 — Listener's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — Just A Minute; 10.15 — A Date With ............................ 10.30 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News; (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —Theatre Forty-Five: "Under The Loofah Tree" by Giles Cooper (repeat); 11.45—Women's World by Evelyn Samuel; 12.15 — Light Music From The Netherlands; 12.30 — News; 12.45 — Man In Our Changing World; 1.00—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety from Vivien Cheong; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.
Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Repeat); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour (VS); 11.30 — Top of the Pops (repeat). NOON: 12.00—Just A Minute (Repeat); 12.30 — News; 12.45 — World of Education; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Many A Slip; 8.30 — Be My Guest introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 —News; 9.30—Concert Hour; 10.30—Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — My Word (Repeat); 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — Breaking Point; 9.15 — News; 9.30 — David Copperfield; 10.00 — How The West Sung; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (Repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Pop Special: "Focus" — Side 2; 8.30 — Its All Yours produced by Veronica Shim; 9.00 — The Glums; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 Hits in Germany; 10.30 — Close Down.



Lagu2 'Apa Pilehan Awda' minggu ini akan di-isikan dengan pilehan lagu2 dari Dk. Mariam bte Pg. Mohd. Daud, No. 10, Kg. Lambak, Batu 6, Jalan Pasir Berakas, Brunei.

Siaran ruangan tersebut akan dapat di-dengar pada 7hb Mach, 1977 jam 5.03 petang.



Twenty-seven students of the Berakas English School visited the Kilanas agricultural station recently as part of their educational tour.

They were met on arrival at the station by the Officer-in-Charge, Awang Abdul Hamid bin Gana who also showed them around the station and briefed them on the various activities carried out there.

Our picture (above) shows Awang Abdul Hamid, second from left, explaining to some of the students the best way to plant vegetables.

# GCE RESULTS

A total of 521 out of 1,632 candidates or 31.92 per cent passed the Brunei-Cambridge GCE examination, which was held in various centres in the State last year.

The candidates were from twelve schools and colleges— six government and six non-government— throughout the State.

In term of percentage, St Margret's School, Seria topped the list of both the government and non-government schools and colleges when 22 out of 29 candidates or 75.86 per cent passed the examination.

The Perdana Wazir English School scored the highest number of passes, on the basis of percentage, among Government schools and colleges when 45 out of 110 candidates managed to pass the examination.

The SOAS College had 640 candidates, the largest single group, sitting for the examination. Of these, 254 passed the examination.

There were 44 Adult Education candidates and 150 private candidates who sat for the examination. Only five of the Adult Education candidates and 28 of the private candidates were successful.

# FOUR HONOURED

His Highness the Sultan made Dato Paduka Mohammad bin Abdul Momin a 'Pehin Mentri' at a ceremony held at the Lapau in Bandar Seri Begawan last Saturday.

Dato Paduka Mohammad is now known as Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Serirama.

In the same ceremony His Highness promoted Yang Dimuliakan (YDM) Pehin Tuan Imam Dato Paduka Haji Mohammad Yusof bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad to YDM Pehin Si-Raja Khatib, YDM Pehin Udana Khatib Dato Setia Haji Mohammad Tamin bin Abdul Hamid to YDM Pehin Tuan Imam, and YDM Pehin Khatib Awang Haji Juned bin Jamuddin to YDM Pehin Udana Khatib.

The ceremony was witnessed by State dignitaries including Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, The High Commissioner Awang James Davidson and Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

# 10 EMBRACE ISLAM

An Iban family of nine embraced Islam at a ceremony held recently at the home of Awang Haji Abdullah bin Pehin Dato Panglima Haji Abu Bakar in Tutong Town.

The head of the family Awang Anggak anak Unan is now known as Awang Abdul Rahman bin Abdullah and his wife Dayang Mai anak Medan as Dayang Maisalamah binte Abdullah.

Their seven children chose the names of Zamarul Azman, Nor Zarina, Noraslina, Norzalina, Asrina, Bolhassan and Abu Bakar.

Another Iban Awang Wong anak Langgai also embraced the faith at a separate ceremony. Awang Wong is now known as Awang Omar bin Abdullah.

Each of the new converts was presented with gifts donated by the Islamic Religious Council.

# RANCHANGAN tv MINGGU INI

TV BRUNEI reserves the right to alter programmes as necessary. Finalised telecast details will appear in our daily programme summaries.

### WEDNESDAY 2 MARCH

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Lost in Space — "The Time Merchant"
6.38 pm Azan
6.42 pm Lost in Sapce—cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm The Sweeney "Chalk and Cheese"
8.00 pm Hogan's Heroes — "Klink, Bomb, and Short Fuse"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Dunia Minggu Ini
8.45 pm Zikir Asraqal
9.15 pm Dunia Minggu Ini
9.45 pm Kung Fu "Full Circle"
10.35 pm Show of the Week: "Helen Reddy Midnight Special"
11.30 pm Close Down.

### THURSDAY 3 MARCH

Live TV Broadcast from the padang Bandar Seri Begawan of "Sambutan Perayaan Maulud Nabi Mohammad s.a.w." at 8.15 until 9.15 a.m.

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Voyage to the Bottom of the Sea — "The Abominable Snowman"
6.38 pm Azan
6.42 pm Voyage to the Bottom of the Sea — cont'd.
7.00 pm English News
7.10 pm The Magician
8.00 pm Pot Black
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Highlights of "Sambutan Perayaan Maulud Nabi Mohammad s.a.w."
9.45 pm Gambus
10.15 pm Tinjauan
10.25 pm The Protectors — "Wheels"
10.55 pm Khan — "Gift of Anger"
11.45 pm Close Down.

### FRIDAY 4 MARCH

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Captain Cook's Travels Ep. 2
6.38 pm Azan
6.42 pm The Lost Saucer "My Fair Robot"
7.00 pm English News
7.10 pm The Rolf Harris Show
8.00 pm The Odd Couple — "They Use Horse-radish Don't They?"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Mutika
9.20 pm America "Making A Revolution"
10.15 pm Mystery Movie: Madigan "The London Beat"
11.45 pm CloseDown.

### SATURDAY 5 MARCH

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Sesame Street
6.38 pm Azan
6.42 pm Sesame Street—cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm Cannon—"Snapshot"
8.00 pm Are You Being Served Ep. 5. "His and Hers"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Suami Isteri
9.30 pm Star Soccer
10.20 pm Saturday Movie: "The Party"
11.50 pm Close Down.

### SUNDAY 6 MARCH

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm BATEFL "Song and Rhymes"
6.37 pm Azan
6.41 pm BATEFL "Song and Rhymes" — cont'd.
6.45 pm Cartoons
7.00 pm English News
7.10 pm Six Million Dollar Man
8.00 pm Wilderness "Gibson Desert"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Persembahan Ku No. 1. Repeat programme
9.15 pm Space 1999 "New Adam, New Eve"
9.30 pm Hawaii Five O — "The Odd Lot Caper"
10.05 pm Armchair Theatre "Amy, Wonderful Amy"
11.00 pm Close Down.

### MONDAY 7 MARCH

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Land of the Giants "The Lost Ones"
6.37 pm Azan
6.41 pm Land of the Giants—cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm Emergency "Pressure"
8.00 pm I Dream of Jeannie "Here Comes Bootsie Nightingale"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Majlis Perbinchangan
10.20 pm Thriller — Won't Write Home Mum, I'm Dead"
11.30 pm Close Down.

### TUESDAY 8 MARCH

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Sesame Street
6.37 pm Azan
6.41 pm Sesame Street—cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm Mission Impossible— "Kidnap"
8.00 pm The Monkees —
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Selayang Pandang
9.15 pm Kojak — A Question of Answers Pt. I
10.05 pm Baa Baa Blacksheep "Up For Grabs"
11.00 pm Close Down.



Suzanne Neve as Beryl Wittaker and Oliver Tobias as Alan Smerdon star in their thriller 'Won't Write Home Mom — I'm Dead' on Monday at 10.20 p.m.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN2 KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Per-khidmatan Kerajaan Brunei.

1. **PENTERJEMAH : (Inggeris/Melayu)**

**Kelayakan2 :**

Lulus Pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Perengkat Biasa) dalam tiga matapelajaran (termasok Bahasa Inggeris dan Melayu) atau Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Melayu. Sa-baik2-nya mempunyai penge-tahuan Jawi.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.3 EB. 4 —$490x25-615 / EB / 670x20-790 s.b.

2. **JURUTRENGKAS INGGERIES :**

**Kelayakan2 :**

Lulus Pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Perengkat Biasa) dalam tiga matapelajaran (termasok Bahasa Inggeris). Lu-lus pepereksaan Trengkas dan Menaip perengkat Tertinggi.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.3 EB. 4 —$490x25-615 / EB / 670x20-790 s.b.

3. **OPERATER TELEPRINTER : (Jabatan Penerbangan Awam)**

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus se-kurang2-nya Sijil Rendah Pela-jaran Brunei atau yang sa-ban-ding dengan-nya. Pemohon2 mesti-lah boleh bertutor dan me-nulis dengan faseh dalam Bahasa Inggeris. Kelulusan menaip me-rupakan suatu kelebehan.

**Tugas2 :**

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki lulus kursus asas meng-gunakan teleprinter dalam tem-poh tahun pertama mereka mula berkhidmat. Mesti-lah sanggup untok bertugas sa-chara bergilir2 di-luar masa bekerja biasa bagi kakitangan Kerajaan.

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4 — $290x10-350x15-440-490x 25-615/EB/670x20-790 s.b.

4. **JURUTAIP :** (Radio Talivishen Brunei, Pejabat Pasokan Bomba)

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai Sijil menaip Pereng-kat Tertinggi.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4 — $290x10-350x15-440-490x 25-615/EB/670x20-790 s.b.

5. **JURU MESIN :** (Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran)

**Kelayakan2 :**

Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sa-banding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4 — $290x10-350x15-440-490x 25-615/EB/670x20-790 s.b.

6. **PENYELENGARA SETOR TINGKATAN III :**

(Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan;

Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran)

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus seku-rang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB.3 —$280x10-350/EB/360x10-410.

7. **TUKANG LUKIS :**

(Pejabat Daerah Brunei/ Muara; Jabatan Letrik)

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sa-kurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB.3 —$280x10-350/EB/360x10-410.

8. **PELAYAN :**

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sa-ku-rang2-nya Tingkatan I atau yang sebanding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4-5 — $240x5-300/EB/305x 5-325x10-345 s.b.

9. **PEMANDU :**

**Kelayakan2 :**

Mempunyai lesen memandu Kelas III dan/atau Kelas V dan tidak di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah pe-mandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 ke-chil.

Kekosongan2 terdapat di-Jabatan2 yang berikut:—

a) Adat Istiadat/Ukor/Pener-bangan Awam/Daerah Bru-nei Muara E. 2 — $320x10-350 s.b.

b) Adat Istiadat — F. 4—$305x 5-320 s.b.

c) Perubatan dan Kesihatan/ Daerah Brunei Muara.—F. 3 EB.4—$280x5-300/EB/305x 5-320 s.b.

d) Dewan Bahasa dan Pustaka/ Daerah Brunei Muara/Per-ubatan dan Kesihatan/Adat Istiadat — F.3 — $280x5-300 s.b.

e) Kebajikan, Belia dan Sokan F.2 EB.3 — $260x5-275/EB/ 280x5-300 s.b.

Sa-seorang pegawai yang se-dang berkhidmat dengan Kera-jaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan ber-sama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang leng-kap.

Permohonan2 mesti-lah di-han-tar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan ber-sama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Mach, 1977.

## Penterjemah Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan Penterjemah Kanan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Lulus Pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Perengkat Biasa) dalam tiga matapela-jaran (termasok Bahasa Ing-geris dan Melayu) atau Sijil Persekolahan dengan menda-pat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Melayu.

b) Mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya sa-lama lima ta-hun dalam kerja2 menter-jemah.

c) Boleh membacha dan menulis tulisan Jawi.

Dalam sukatan gaji C. 2— — $840x30-960x40-1120. Gaji permulaan bergantong kapada ke-layakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raa-yat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chu-kai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 per-mohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhid-matan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-han-tar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan ber-sama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Mach, 1977.

## KUALA BELAIT MUNICIPAL

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Borad at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Govern-ment Offices, Bandar Seri Bega-wan, Brunei, up to 4.00 p.m. on Monday 14th March, 1977, for the supply of:—

(a) 1 UNIT TANKER SPRAY-ER, including painting in green and lettering "JABA-TAN BANDARAN KUALA BELAIT" in white. C.I.F. Kuala Belait, Brunei.

(b) 3 UNITS TIPPER TRUCKS including painting in green and lettering "JABATAN BANDARAN KUALA BE-LAIT" in white. C.I.F. Kuala Belait, Brunei.

(1) 1 UNIT FRONT WHEEL LOADER. C.I.F. Kuala Be-lait, Brunei.

(d) 1 UNIT CONSERVANCY TRUCK, including painting in green and lettering "JA-BATAN BANDARAN KU-ALA BELAIT" in white. C.I.F. Kuala Belait, Brunei.

(e) 2 UNITS FORDSON TRACTORS. C.I.F. Kaua Belait, Brunei.

2. Specifications must be in ac-cordance with the original fac-tory made.

3. Approximate date of delivery must be stated.

4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes. There must be no indication on the cov-er of the name of the tender.

5. The cover must be addressed to : —

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Fiancial Officer,
Ground Floor,
Government Offices,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

and clearly marked:—

MUNICIPAL DEPARTMENT — KUALA BELAIT supply of (a) 1 unit tanker sprayer, (b) 3 units tipper trucks, (c) 1 unit front wheel loader, (d) 1 unit conservancy truck and (e) 2 units Fordson tractors.

6. Any tender received in enve-lopes not properly addressed will be rejected.

7. Government does not bind it-self to accepted the lowest or any tender.

## Di-Jabatan Laut

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

1. **FITAR TINGKAT I :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 27 tahun dan mempunyai sa-kurang2-nya sa-puloh tahun pengala-man praktikal bekerja sa-ba-gai fitar mekanik atau fitar ke-juruteraan laut.

b) Pemohon2 mesti-lah boleh memahami pelan2 lukisan ke-juruteraan.

c) Pemohon2 mesti-lah mempu-nyai pengetahuan baik ten-tang alat2 kelengkapan ke-juruteraan laut dan chara2 menggunakan-nya.

d) Pemohon2 mesti-lah tahu menggunakan perkakas2 dan lain2 alat kejuruteraan yang di-gunakan di-dalam sa-sebuah workshop (bengkel) kejuru-teraan. Mereka mesti-lah bo-leh mebaiki injin2 diesel ma-rine yang besar-nya sa-hing-ga 225 Brake Horse Power.

e) Chalon2 akan di-kehendaki menjalani satu Ujian Pertu-kangan untok menentukan ke-chekapan mereka sa-bagai Fi-tar Kejuruteraan. Chalon2 yang berjaya akan di-kehen-daki bertugas di-mana2 saja di-dalam Negeri.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB.3 —$280x10-350/EB/360x10-410.

2. **JURU MESIN MOTOR SANGKUT TINGKAT I:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai sa-kurang2-lima tahun pengalaman be-kerja sa-bagai pemandu motor sangkut.

b) Pemohon2 hendak-lah boleh membacha dan mengerti In-struction Manuals, Lukisan2 dan Daftar Barang2 Ganti bagi injin Motor Sangkut yang mana di-chetak dalam bahasa Inggeris.

c) Pemohon2 mesti-lah mengeta-tahui chara membuka semua jenis injin Motor Sangkut dan sa-sudah itu membaiki-nya.

d) Pemohon2 mesti-lah menge-tahui nama barang2 ganti yang di-perlukan untok mem-baiki Motor2 Sangkut dan ta-hu menyediakan borang pe-sanan untok membeli barang2 ganti.

e) Chalon2 akan di-kehendaki menjalani satu Ujian Per-tukangan untok menentukan kechekapan mereka sa-bagai Juru Mesin Motor Sangkut.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB.3 —$280x10-350/EB/360x10-410.

3. **FITAR TINGKAT II :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai sa-kurang2-nya lima tahun pengalaman praktikal bekerja sa-bagai fitar mekanik atau fitar kejuru-teraan laut.

b) Pemohon2 mesti-lah mempu-nyai pengetahuan baik ten-tang alat2 kelengkapan ke-juruteraan laut dan chara2 menggunakan-nya.

c) Pemohon2 mesti-lah tahu menggunakan perkakas2 dan lain2 alat kejuruteraan yang di-gunakan di-dalam sa-se-buah workshop (bengkel) ke-juruteraan.

d) Chalon2 akan di-kehendaki menjalani satu Ujian Pertu-kangan untok menentukan ke-chekapan mereka sa-bagai Fi-tar Kejuruteraan. Chalon2 yang berjaya akan di-kehen-dak bertugas di-mana saja di-dalam Negeri.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3 — $280x5-300.

4. **TUKANG KAYU PERAHU TINGKAT II :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai pengalaman praktikal sa-lama lima tahun sa-bagai Tukang Kayu Pera-hu.

b) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau pun yang sa-banding dengan-nya walau bagaimana pun pegawai2 yang lebeh tua yang sedang berkhidmat da-lam Perkhidmatan Kerajaan dan mempunyai kelulusan yang rendah dari ini akan ju-ga di-pertimbangkan.

c) Pemohon2 mesti-lah boleh : —

i) Menyediakan lukisan2 ker-ja bagi membuat dan membaiki perahu motor sangkut, kerosakan2 ta-muai dan kapal2 penum-pang kechil yang pechah.

ii) Menyediakan anggaran bagi kayu, bahan2 dan alat2 yang di-perlukan di-atas.

d) Pemohon2 mesti-lah mempu-nyai pengetahuan yang baik mengenai jenis2 kayu, alat2 dan benda2 untok ikat-meng-ikat yang bukan di-buat dari besi yang di-gunakan dalam membena kapal2 kechil dan perahu2 bagi di-gunakan di-perayeran Brunei.

e) Pemohon2 hendak-lah chekap dalam menjalankan dan meng-gunakan perkakas2 berkuasa letrik.

f) Chalon2 akan di-berikan uji-an pertukangan untok menilai kebolehan sa-bagai sa-orang Tukang Kayu Perahu.

g) Chalon yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas di-mana2 bahagian di-Negeri ini.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3 — $280x5-300.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 per-mohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhid-matan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-han-tar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan ber-sama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Mach, 1977.

## TENDER NOTICE EDUCATION DEPT.

TENDERS will be received by Chairman, Tenders Board at the office of The State Financial Officer, Brunei up to 4.00 p.m. on Thursday 24th March, 1977 for the supply of :

FOUR SCHOOL BUSES WITH SEATING CAPA-CITY OF 30-35 PASSENG-ERS.

Tenders submitted must be ac-companied with company's cata-loques complete with prices, and placed in plain sealed envelopes addresse to The Chairman, Ten-ders Board, Brunei as in para 1 above, and clearly marked "TEN-DER OF EDUCATION DE-PARTMENT TRANSPORT".

There must be no indication on the cover of the name of the tenderer and any tender not pro-perly addressed or received after the stipulated date will be re-jected.

Successful tenderer must be able to deliver all the buses within two months from the date of notification.

Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERTANIAN BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

1. **PEMBANTU TEKNIK KANAN :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 di-jangka hendak-lah mempunyai sa-suatu kelulusan teknikal yang sa-banding dengan kelulusan kejuruteraan Pertanian atau bidang yang sama di-perengkat OND. Chalon2 yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah dari ini tetapi mempunyai pengalaman luas dalam bidang berkaitan akan juga di-pertimbangkan. Chalon yang berjaya di-kehendaki bertugas di-bengkel2 Jabatan Pertanian yang menyelanggara jentera2 pertanian, pam2 dan kenderaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2—$840x30-960x40-1120. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. **PEMEREKSA DAGING :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge Perengkat Biasa atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya. Chalon2 yang terpileh akan di-kehendaki menjalani latehan dalam negeri dan juga di-seberang laut.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4—$290x10-350x15-440-490x25-615/EB/670x20-790

3. **PEMBANTU PERTANIAN RENDAH :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah lulus sa-kurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei, atau yang sa-banding dengan-nya, atau pun mempunyai Sijil daripada sa-sebuah Sekolah Pertanian yang di-iktiraf. Mesti-lah boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4—$290x10-350x15-440-490x25-615/EB/670x20-790.

4. **PEMEREKSA TERNAKAN:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah lulus sa-kurangan2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sa-banding dengan-nya. Mereka mesti-lah bersedia untok membuat kerja2 yang melibatkan semua jenis binatang termasok-lah babi dan untok pergi ka-kawasan2 pendalaman.

Chalon2 yang terpileh meiti-lah bersedia untok menjalani latehan sa-telah berkhidmat bagi satu tempoh permulaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.1-2 EB.3—$290x10-350x15-440/EB/490 x 615.

5. **MEKANIK TINGKATAN KHAS :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Tujoh tahun pengalaman sa-bagai sa-orang mekanik sa-baik2-nya dalam kerja2 menyelenggara jentera2 pertanian. Pengetahuan mengenai jentera2 pam, pembajak2 bermotor dan kerja2 patri merupakan satu kelebehan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji—D.2 EB.3—$350x15-440/EB/490x25-615.

6. **MEKANIK TINGKATAN I:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lima tahun pengalaman sa-bagai pemandu/mekanik. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 membaiki jentera2 pertanian.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2 EB. 3—$320x10-350/EB/360x10-410.

7. **PENJALAN JENTERA BERAT :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lima tahun pengalaman mengendalikan lori2 pengorek dan jentolak yang bertenagakan kuasa hydraulic.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2 EB. 3—$320x10-350/EB/360x10-410.

8. **PENOLONG PENJALAN JENTERA BERAT :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Dua tahun pengalaman mengendalikan lori2 pengorek dan jentolak yang bertenagakan hydraulic.

**Gaji :**

Dalam suakatan gaji F. 3—$280x5-300.

9. **PENJALAN ALATAN TETAP :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai pengalaman mengendalikan jentera2 pam untok taliayer, dan kebolehan membaiki serta menyelenggara injin2 dan pam2 ayer yang kechil. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang bersedia menjalankan tugas di-kawasan2 pendalaman.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 2 EB. 3—$260x5-275/EB/280x5-300.

10. **PEMANDU TREKTER TINGKAT I :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lima tahun pengalaman sa-bagai pemandu kenderaan yang mempunyai rekod memandu yang selamat. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai sa-banyak sedikit pengetahuan menyelenggara dan membaiki jentera2 dan kelengkapan2 ladang.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3 EB. 4—$280x5-300/EB/305x5-320.

11. **PEMANDU TREKTER TINGAT II :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Dua tahun pengalaman sa-bagai pemandu kenderaan yang mempunyai rekod memandu yang selamat. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai sa-banyak sedikit pengetahuan menyelenggara dan membaiki jentera2 dan kelengkapan2 ladang.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3—$280x5-300.

12. **TUKANG MASAK**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau Restoran.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3—$280x5-300.

13. **PENJAGA/PEMBERSEH :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah tahu membacha dan menulis. Mesti-lah sanggup bekerja sa-chara bergilir2. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 dari kawasan2 Sinaut dan Luahan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F2—$260x5-275.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Mach, 1977.

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

**JURUTEKNIK2 MAKMAL KANAN :**

a) **Haiwan :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai Higher National Diploma, atau kelulusan yang sa-banding, dan sa-kurang2-nya lima tahun pengalaman dalam sa-sebuah makmal Haiwan dan Perubatan. Chalon2 yang mempunyai kelulusan yang rendah dari ini tetapi mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang yang berkenaan boleh juga di-pertimbangkan.

b) **Sains Tanah :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai Higher National Diploma, atau kelulusan yang sa-banding, dan sa-kurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 analisa di-dalam makmal. Chalon2 yang mempunyai kelulusan yang rendah dari ini tetapi mempunyai pengalaman luas bekerja dalam sa-sebuah makmal "analytical chemistry" yang moden boleh juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 2—$840x30-960x40-1120. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek kajawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Mach, 1977.

## TENDER NOTICE

1 TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered PWD Contractors 'A' up to 12.00 noon, **Monday, 14th March, 1977** for the construction of

OTHER RANKS CLUB FACILITIES AT BERAKAS CAMP

2 Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3 Drawings and Specification can be obtained from the Office of Messrs. Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan during normal office hours.

4 Tenders must be placed in plain sealed envelopes. There must be no identification on the envelope of the name of the tenderer.

5 The envelope must be addressed to the Chairman, Tenders Board, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan. The job tendered for must be clearly stated on the envelope and the wording should read:—

OTHER RANKS CLUB FACILITIES AT BERAKAS CAMP.

6 Any tenders received in envelopes not properly addressed will be rejected.

7 The Tender Deposit will be $500.00 refundable to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

8 Tenders must be made on the printed form obtainable from the Architects on payment of the tender deposit.

9 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 11 OF 1977

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th March, 1977 for:—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO ACCESS ROAD TO POLO FIELD JERUDONG, BRUNEI MUARA DISTRICT.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 12 OF 1977

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th March, 1977, 1977 for:—

SUPPLY OF PORTLAND CEMENT TO P. W. D., BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI, 1977.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 13 OF 1977

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th March, 1977 for:—

CONSTRUCTION OF ADDITIONS AND ALTERATIONS TO DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 14 OF 1977

TENDERS will be received from Class "B" and above P. W. D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th March, 1977 for:—

CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE PROTECTIVE SLABS AND BRICK FLOWER BOXES AT SUNGAI KIANGGEH, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 15 OF 1977

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th March, 1977 for:—

CONSTRUCTION OF AGRICULTURE RESEARCH CENTRE AT KILANAS, BRUNEI.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 16 OF 1977

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th March, 1977 for:—

PROPOSED RIVER RETAINING WALL AT MAKAM DIRAJA PARKING AREA, BRUNEI.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 17 OF 1977

TENDERS will be received from Class "C" and above P. W. D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th March, 1977 for:—

REPAIR AND EXTERNAL REPAINTING OF FLAT TAPAK KUDA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. KB 3 OF 1977

TENDERS will be received from Class B only and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th March, 1977, for:—

for:—

EXTENSION TO MUNICIPAL WORKSHOP KUALA BELAIT AND SERIA AND CONSTRUCTION OF GARAGES AT GOVT. OFFICES, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

### No. KB 4 OF 1977

TENDERS will be received from Class B only and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd February, 1977 for:—

RENOVATION TO BARRACK No. 83 AND REROOFING A.A.C. CLASS ROOM BLOCKS, SERIA.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

## AGRICULTURAL DEPT. TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of foodstuffs and domestic services at Sinaut Agricultural Training Centre Mile 21 Jalan Tutong as specified below.

(i) The supply of all foodstuffs for all meals for 20 to 24 resident students including the necessary staff to cook and serve these meals. The successful contractor will provide all necessary cooking and cleaning materials and using the kitchen and dining facilities provided at SATC will maintain all in good order.

(ii) The supply of domestic services (cleaning, laundry, sweeping and dusting) inclusive of necessary staff and materials to maintain in good order the Student hostel and recreation facilities at Sinaut Agricultural Training Centre.

2. Tenderers should quote for the above services on a weekly basis per head.

3. Full details of meals and services required can be obtained from the Director Principal Sinaut Agricultural Centre (Telephone Tutong 372) who will be pleased to show intending contractors the premises and facilities.

4. Tenders marked "Dept of Agriculture—Sinaut ATC Catering—Confidential" should be submitted to reach the Secretary, State Tenders Board, Office of the State Financial Officer Secretariat, Bandar Seri Begawan not later than noon on Saturday 5th March, 1977.

5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.



YM Dato Paduka Mohammad sedang di-chirikan dalam istiadat bergelar di-Lapau yang membawa gelaran kapada beliau dengan YDM Pehin O.K. Seri Rama.

# KORNIA GELARAN PEHIN KPD. DATO MOHAMMAD

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, dalam satu istiadat di-Lapau, Sabtu lepas, telah mengorniakan kenaikan pangkat gelaran tiga orang Menteri Ugama dan pengorniaan Pehin Menteri.

Tiga orang Menteri Ugama itu sekarang di-kenali sa-bagai; Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Haji Awang Mohd Yusuf bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohammad; YDM Pehin Tuan Imam Haji Mohd Tamin bin Abdul Hamid dan YDM Pehin Udana Khatib Awg Haji Juned bin Jamaluddin.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah mengorniakan Pehin Menteri kapada Dato Paduka Awang Mohammad bin Abdul Momin. Beliau sekarang di-kenali sa-bagai; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Rama.

Di-antara pembesar2 negara dan orang2 kenamaan yang hadhir dalam istiadat itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya British di-Brunei, Awang James Davidson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Menteri Besar, Pengiran2 Cheteria, Pehin2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

## *Lumba Basikal:*
# BRIAN HATTON JUARA TIGA TAHUN BERTURUT2

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Brain Hatton dari Seria, telah memenangi perlumbaan basikal kali yang ketiga dengan menchatet masa 2 jam 53 minit 50 saat. Beliau memenangi perlumbaan ini dalam tahun 1971 dengan masa-nya 2 jam 53 minit 37.7 saat; manakala dalam tahun 1974 pula beliau menchatet masa 2 jam 58 minit 26 saat.**

Rekod beliau tahun 1971 belum lagi pechah sejak perlumbaan ini di-adakan pada tahun 1968. Beliau memenangi perlumbaan ini sa-banyak tiga kali berturut2.



Brian Hatton, pemenang lumba basikal jarak jauh bagi tahun 1977 sedang merenong perisai kemenangan-nya yang telah di-sampaikan oleh YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan.

Tempat kedua dalam perlumbaan pada pagi Ahad lalu itu telah di-menangi oleh Awang Oslee bin Hj Md Noor dengan masa 2 jam 53 minit 56 saat; tempat ketiga Awang Musli bin Ismail dengan masa 2 jam 54 minit 5.6 saat; tempat keempat Awang Ahmad Haji Tasim dengan masa 2 jam 54 minit 5.8 saat dan di-tempat kelima Awang Ishak Hj Sia. Achara berpasokan di-menangi oleh Pasokan Rospawan.

Perlumbaan Basikal jarak jauh, ia-itu sa-jauh kira2 68 batu dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan, telah berlangsong pagi Ahad lepas. Sa-ramai 163 orang penunggang basikal tempatan, termasok sa-orang peserta dari Sarawak telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Sa-jurus sa-telah surat perutusan di-sampaikan oleh Yang Berbahagia Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu kapada pemenang lumba basikal tahun 1974, Awg Brain Hatton, maka Yang Mulia Pengiran Idriss bin Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad, Ketua Pegawai Belia dan Sokan; merasmikan perlumbaan dengan menembakkan pistol ka-udara menandakan perlumbaan itu di-mulakan.

Ada-lah di-fahamkan bahawa perlumbaan basikal tersebut ada-lah kali keenam yang telah di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei, sempena memperingati hari Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Kali pertama ia-nya di-adakan pada tahun 1968, 1969, 1970, 1971, 1974 dan tahun 1977 ini.



Gambar menunjokkan barisan peserta perlumbaan bersunggoh2 mendayong basikal masing2 untok berada di-barisan hadapan.

### HADIAH2 ISTIMEWA

Hadiah2 istimewa; dua tiket perchuma kapal terbang pergi dan balek ka-Manila untok pemenang pertama (perseorangan) dari Sharikat Penerbangan Diraja Brunei; Hotel perchuma untok dua orang dari City Travel, Bandar Seri Begawan. Hadiah kedua; dua tiket perchuma kapal terbang pergi balek ka-Singapura dari RBA dan hotel perchuma. Hadiah ketiga satu tiket perchuma pergi balek ka-Singapura dan hotel tempat tinggal hadiah dari Investment dan Finance Kalimatan Brunei Berhad.

**Di-samping itu pemenang2 serta yang telah menamatkan perlumbaan juga telah menerima hadiah2 piala rebutan dan lain2 chenderamata yang telah di-samkan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan Brunei, di-akhir perlawanan.**

# *Peranan guru dgn. masharakat*

BANDAR SERI BEGAWAN. —Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib, di-jangka akan membuka rasmi Kursus Guru2 Penolong Sekolah2 Rendah Kerajaan seluroh negeri pada hari Isnin jam 8.30 pagi 7hb March ini. Manakala penutop kursus akan di-lakukan oleh YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris, pada hari Khamis 10hb March jam 9.00 pagi.

Ini telah di-nyatakan oleh sa-orang juruchakap kursus kapada Pelita minggu ini. Kata-nya, semua peserta kursus yang akan mengikuti kursus tersebut hendak-lah mendaftarkan diri mereka ka-Pusat Belia pada 6hb Mach, tidak lewat jam 6.00 petang.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Kursus Guru2 Penolong Sekolah2 Rendah Kerajaan ini ada-lah merupakan perengkat pertama yang di-anjorkan oleh **Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan** Pelajaran. Thema kursus ia-lah "Peranan guru dengan masharakat."

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, Speaker Dewan Majlis, di-jangka akan meraikan peserta kursus dalam satu jamuan makan malam di-Dewan Pusat Belia pada 8hb Mach.

# *Lagi Sharikat Kerjasama Nelayan di-tubohkan*



Awang Ahmad Wally Skinner, Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama.

PULAU BARU2. — Sabuah lagi sharikat kerjasama nelayan telah di-tubohkan di-negeri ini. Sharikat tersebut di-tubohkan oleh pendudok2 Kampong Pulau Baru2 di-Daerah Brunei dan Muara yang mengadakan mashuarat agong-nya yang pertama hari Jumaat minggu lalu.

Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Ahmad Wally Skinner telah beruchap di-majlis itu dan sa-terus-nya merasmikan mashuarat tersebut.

Dalam uchapan-nya Awang Ahmad menyatakan bahawa penubohan sharikat kerjasama nelayan ada-lah merupakan idaman atau projek yang di-hasratkan oleh jabatan beliau sejak ia-nya tertuboh beberapa tahun kebelakangan ini.

Dengan tertuboh-nya sharikat nelayan saperti di-Kampong Pulau Baru2 ini ia-nya menunjokkan satu sambutan yang baik dan menggalakkan dari masharakat di-negeri ini. Nelayan2 di-Daerah Belait, kata beliau, telah berjaya menubohkan sharikat nelayan mereka pada 20hb Februari lalu yang merupakan kaum nelayan yang pertama menubohkan sharikat kerjasama mereka.

Kesimpulan2 jelas menunjokkan mengapa nelayan2 yang berkenaan berjaya menubohkan sharikat tersebut ia-lah kerana terdapat-nya beberapa aspek yang melingkongi diri mereka terutama masaalah hutang dengan orang2 tengah, memiloki dan mendapatkan alat2 perkakas tangkapan, pengangkutan, hasil tangkapan untok pasaran dan lain2 perkhidmatan yang bersangkutan ada-lah sa-bagai puncha utama sharikat nelayan itu perlu di-ujudkan oleh nelayan2 itu sendiri.

Awang Ahmad Wally Skinner juga berseru kapada nelayan2 di-sini supaya menanamkan semangat bekerjasama yang telah sedia ada pada memupok dan memajukan sharikat mereka. Beliau sa-terus-nya menyatakan bahawa jabatan-nya akan terus memberikan bimbingan dan tunjok ajar kapada mana2 sharikat kerjasama di-negeri ini demi untok kemajuan.

"Di-samping itu kesetiaan dan kejujoran dari ahli2 perlu-lah juga di-semai demi untok merengankan kerja2 dan tugas2 jawatankuasa sharikat dengan sempurna dan lichin." jelas beliau.

Dengan tertuboh-nya sharikat kerjasama nelayan ini menjadikan sudah dua buah sharikat kerjasama di-adakan di-kampong tersebut. Pada tahun 1976 sharikat kedai kerjasama telah di-tubohkan di-sini dan di-daftarkan dengan Jabatan Kemajuan Kerjasama pada 10hb Ogos, 1976.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.